

SENTUL
MBS
ORA ET LABORA
AFZAL 99'
Sentinel
99

Dengan Ingatan Tulus Ikhlas

SYARIKAT PERNIAGAAN JAYA

Pembekal alat-alat tulis,
Percetakan dan Keperluan Pejabat

NO. 379A, 1ST FLOOR, BATU 2 1/2, JALAN IPOH,
51200 KUALA LUMPUR.
TEL : 603-441 4707 / 442 4494 FAX : 603-441 4707

INTISARI THE SENTINEL 1999

Sidang Redaksi....1-2
Tinta Ketua Editor....3

Kata Alu-aluan
* Pengarah Pendidikan Wilayah....4
* Pengerusi Lembaga Pengelola....5
* Pengerusi PIBG....6
* Pengetua....7
* Tinta Ketua Pengawas 1998/1999....8
Kakitangan Akademik 1999 (Gambar)....9
X-Klusif : Bersama Pengetua....10
In Person : Guru-Guru Kanan....11-12
Senarai Nama Kakitangan Akademik....13-16
Senarai Nama Kakitangan Bukan Akademik 1999....17
berserta gambar
Happening / Takwin....18-20
Analisa Keputusan Peperiksaan PMR / SPM....21-26
* Bintang-bintang Yang Bersinar....27-30
Aktiviti Tahunan Sekolah
* Dalam Kenangan....31-46
Laporan Kelab dan Persatuan....47-88
Nukilan Pelajar
* Bahasa Melayu....89-115
* Bahasa Inggeris....116-131
* Bahasa Tamil....132
* Bahasa Cina....133-134
Lest We Be Forgotten....135-164
Dalam Kenangan 1999....165-178
Autograf....179

SIDANG REDAKSI




Duduk dari kanan ke kiri : *Syed Basrin, Kueh Choon Leng, Pn. Suzaini Khairul, Anuar, Manjit Singh dan Redhuan*

Berdiri dari kanan ke kiri : *Malek Mustakim, Lee Chee Hor, Yogendran, Sivamuralitharan, Suganthiran, Vickneswaran, Hoh Wan Sek, Chan Chee Chuan, Mohanan dan Anhdeer*

SIDANG REDAKSI MAJALAH THE SENTINEL '99

GURU PENASIHAT	:	Pn. Noraidah Sulaiman (Tiada dalam gambar) Pn. Suzaini Abd. Majid Pn. Yen Kim Yew Cik Athiah Baharuddin
KETUA EDITOR	:	Kueh Choon Leng (5S1)
PENOLONG	:	Khairul Anuar (4S1)
EDITOR B. MELAYU	:	Fairus Tauhid (5S1) Mohd Hairizam (5S1)
EDITOR B. INGGERIS	:	Marc Lourdes (5S1)
EDITOR B. CHINA	:	Goh Kar Eng (4S3)
EDITOR B. TAMIL	:	Suganthiran (4S3)
IKLAN	:	Manjit Singh (5S2) Syed Basrin (4S3) Vimal (5S2)
FOTOGRAFI	:	Mohd Redzwan (5S2) Malik (4S3) Sivamurali (4S3) Lim Boon Siong (4M3)
ARTIST	:	Siew Aik Weng (5S1) Hoh Wan Sek (5S1) Aravindan (4S3) Afzainizam (5B1)
AJK (Tugas Am)	:	Lee Chee Hoo (4S3) Vickneswaran (4S3) Devanand (4S3) Prusoth Manan (4M1)



KATA ALU-ALUAN EDITOR

Terlebih dahulu, ingin saya melahirkan rasa bersyukur dan berbangga kerana guru-guru majalah sekolah telah memberi iktikad kepada saya untuk menjawat jawatan sebagai Ketua Editor.

Tahun demi tahun, hari demi hari, masa berlalu amat cepat sekali. Tanpa disedari, The Sentinel kini telah menjangkau usia 68 tahun. Banyak yang telah berlaku sejak kelahirannya. Sejak zaman peperangan hinggalah kini, The Sentinel tidak pernah leka dalam tegasnya, iaitu mencatit sejarah tahunan. Pada tahun ini, kami meneruskan tradisi ini dengan menerbitkan Sentinel 1999.

Sepanjang proses penerbitan Sentinel'99, banyak rintangan dan halangan telah kami harungi. Akan tetapi, dengan semangat yang tekad dari usaha yang gigih dicurahkan, kami berjaya menempuhinya tanpa sebarang masalah. Ingin saya merakamkan ribuan terima kasih kepada ahli-ahli Sidang Redaksi kerana tanpa mereka, The Sentinel'99 tidak mungkin dapat dilahirkan. Tidak dilupakan juga, Pn. Noraidah, guru penasihat kami selaku tulang belakang bagi penerbitan ini. Segala tunjuk ajar dan nasihat cikgu tidak akan kami lupakan.

Adalah menjadi harapan saya supaya The Sentinel dapat diteruskan dan menjadi dokumen bersejarah yang penting pada masa akan datang. Semoga pada tahun-tahun yang akan datang, ahli-ahli jawatankuasa baru akan menghasilkan majalah sekolah yang lebih kreatif, inovatif dan berkualiti agar dapat mengharumkan nama Methodist Boys' Secondary School (Sentul).

Akhir kata, izinkan saya menyusun sepuluh jari meminta maaf sekiranya kata-kata saya ini menyinggung perasaan mana-mana pihak.

Ketua Sidang Redaksi



KATA ALU-ALUAN PENGARAH PENDIDIKAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Sekolah seharusnya berkembang sebagai pusat kecemerlangan pendidikan yang mampu melahirkan tenaga mahir, pemikir dan ilmuan yang berkualiti dan bertaraf dunia. Justeru itu, potensi yang ada pada diri seseorang pelajar harus dipupuk dan dikembangkan.


Peluang-peluang pendidikan yang sempurna harus diberikan kepada setiap pelajar agar potensi mereka dapat dikembangkan sepenuhnya dan dapat memenuhi aspirasi negara. Bidang sains dan teknologi pula harus menjadi tumpuan dan keutamaan pelajar. Penguasaan dalam kedua-dua bidang ini akan meningkatkan daya saing pelajar dalam pasaran buruh di samping dapat melahirkan tenaga manusia yang mampu memenuhi keperluan negara ke arah mencapai status negara maju menjelang tahun 2020.

Saya amat berharap semua pihak di sekolah lebih-lebih lagi pelajar-pelajar sudahpun mula mempersiapkan diri ke arah mencapai status negara maju ini.

Tahniah saya ucapkan kepada Sidang Redaksi kerana berhasil menerbitkan majalah sekolah mereka. Saya juga mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang mengisi ruangan kata alu-aluan ini.

Sekian.

HAJI AHMAD BIN HAJI SHAFII
Pengarah Pendidikan Wilayah Persekutuan
Kuala Lumpur



KATA ALU-ALUAN PENGERUSI LEMBAGA PENGELOLA SEKOLAH

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyunting majalah ini serta sidang pengarangnya di atas kesudian memberi peluang kepada saya untuk menyampaikan sepatah dua kata.

Ucapan tahniah saya hulurkan kepada tuan pengetua, guru-guru dan murid-murid Sekolah Menengah Kebangsaan (L) Methodist Sentul di atas kejayaan mereka yang begitu memberangsangkan sejak beberapa tahun ini. Saya sanjung tinggi di atas kegigihan guru-guru dan kakitangan menggunakan masa untuk persediaan dan perancangan kakitangan sekolah demi kebaikan murid-murid. Segala usaha yang dilakukan oleh guru-guru dan murid-murid tidaklah sia-sia selama ini dengan melihat setiap kejayaan demi kejayaan yang telah dicapai oleh sekolah setakat ini. Ini membuktikan yang murid-murid telah memainkan peranan dalam setiap lapangan di sekolah sama ada bidang akademik atau pun jasmani. Dengan memperolehi keputusan yang cemerlang di dalam setiap peperiksaan yang utama serta pertandingan sukan telah menunjukkan satu matlamat yang tersusun telah pun dirangka sebelum daripada itu.

Sepanjang persekolahan, ada kalanya saudara menikmati saat-saat kejayaan, kemungkinan juga ada di antaranya pula menemui kekecewaan dan kegagalan. Ingin saya nasihatkan supaya tidak berputus asa kerana kegagalan merupakan suatu ujian dan cabaran kepada kita semua untuk mencapai kejayaan. Sebenarnya kita membina kekuatan dan asas yang kukuh supaya kita lebih yakin untuk berjaya selepas belajar dari kegagalan dan kesilapan. Saya berharap semoga tuan pengetua dan kakitangan sekolah berjaya di dalam setiap bidang yang diceburi. Saya juga berdoa semoga Tuhan sentiasa memberi petunjuknya di dalam semua perkara yang kita lakukan.

Akhir sekali, salam hormat dan ucapan penghargaan daripada saya.

YB. DR. TAN KEE KWONG
Pengerusi
Lembaga Pengelola Sek. M. (L) Methodist
Sentul, Kuala Lumpur



KATA ALU-ALUAN PENGERUSI PIBG

Assalamualaikum wbt dan salam sejahtera.


Pada kesempatan ini saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah kepada Sidang Redaksi dan guru-guru kerana berjaya menghasilkan majalah sekolah.

Setelah beberapa penggal saya mempengerusikan Persatuan Ibu Bapa dan Guru sekolah ini, saya berharap segala hasrat dan cita-cita guru-guru, pelajar dan ibu bapa akan tercapai. Pencapaian tidak terbatas hanya dalam bidang akademik malahan kokurikulum. PIBG akan cuba merancang dan melaksanakan pelbagai program usahasama dengan pihak sekolah di dalam usaha mempertingkatkan pencapaian pelajar dalam kedua-dua bidang tersebut.

Bersama-sama kita berdoa agar segala yang dirancangkan akan menjadi kenyataan untuk masa-masa akan datang.



HAJI MOKHTAR B. HAJI MD. NOR
Pengerusi
Persatuan Ibu Bapa dan Guru
SMK (L) Methodist Sentul



KATA ALU-ALUAN TUAN PENGETUA

Tahniah dan terima kasih saya ucapkan kepada warga kerja Sidang Redaksi ***The Sentinel 1999*** kerana telah berjaya menerbitkan ***The Sentinel 1999*** dengan jayanya.


Tahun ini merupakan tahun terakhir perkhidmatan saya di sekolah ini. Sepanjang tempoh perkhidmatan saya di sini banyak pengalaman yang manis mahu pun pahit telah dilalui. Namun begitu tugas sebagai pendidik tidak dapat saya kesampingkan.

Pelbagai rintangan dan halangan telah dilalui. Pelbagai masalah telah cuba diatasi. Warga MBS menyedari bahawa sikap kerjasama dan saling bergantungan perlu dipupuk sebagai wadah mencipta kejayaan. Pengertian dan kesediaan semua pihak untuk bersatu tenaga bergerak mempertingkatkan kecemerlangan dari segi akademik dan kokurikulum amat diperlukan. Seperti tahun-tahun yang lalu guru-guru dan ibu bapa akan bersama-sama menggembeling tenaga dalam mempastikan matlamat sekolah akan tercapai.

Saya berharap dan berdoa semoga guru-guru tidak akan jemu mendidik dan pelajar-pelajar pula tidak akan jemu untuk menuntut ilmu di dalam meletakkan nama sekolah seiring dengan sekolah-sekolah lain. Tanpa ilmu kita akan ketinggalan apatah lagi di dalam menuju alaf baru.

Akhir kata, saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah bekerjasama dalam usaha menerbitkan majalah ini. Pastikan kita BOLEH.

A. ATPUTHARAJA
Pengetua
SMK (L) Methodist Sentul
Kuala Lumpur



KATA-KATA ALUAN KETUA MURID

Terlebih dahulu ingin saya merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Sidang Pengarang Majalah 'Sentinel' terbitan tahunan Sekolah Menengah Kebangsaan (L) Methodist Sentul kerana memberi saya peluang untuk menyampaikan sepatah dua kata.

Lima tahun telah berlalu dalam sekelip mata. Dalam beberapa bulan yang akan datang, sekolah kesayangan ini akan menjadi kenangan kepada saya. Selama lima tahun berada di sekolah, saya selalu menunggu saat meninggalkan alam persekolahan. Akan tetapi, setelah diberi peluang menulis dalam majalah sekolah yang terakhir buat saya dan alaf ini, saya sekarang sedar bahawa saya ingin menjadi pelajar sekolah, Sekolah Menengah Kebangsaan (L) Methodist Sentul buat selamanya. Perasaan untuk meninggalkan alam persekolahan dan menjejak kaki ke dunia sebenar amat saya takuti.

Saya amat bangga kerana dikelilingi guru-guru berdedikasi, para pengawas yang bersemangat dan rakan-rakan yang dikasihi. Dengan kehadiran mereka semua, sekolah ini telah menunjukkan prestasi yang cemerlang dalam bidang pendidikan dan sukan.

Sebelum mengakhiri kata-kata aluan ini, ingin saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Tuan Pengetua, En. A. Atputharaja, guru-guru serta staff sekolah dalam memberikan sokongan dan dorongan kepada saya serta semua pelajar. Saya berharap agar dengan berkat serta kuasa Ilahi, guru semua akan maju jaya dalam bidang mereka.

Sekian, terima kasih.

"ORA ET LABORA"

HARESH SINGH
Ketua Murid 1998/1999

GURU-GURU SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN (L) METHODIST SENTUL BAGI SESI 1999



Duduk dari kanan: En. Mohd Arif Mohd Ali, En A. Veelurajan, Pn. Serina Jaafar, Pn. Janet Ratnam, Pn. Yee Kok Seong, Pn. Low Yew Lim, Pn. Lau Chong Kong, En. K. Selvaraja (Penyelia Petang), Cik Goh Kai Lian (PK1), En. A. Atputharaja (Pengetua), Pn. Teoh Kwan Swee (PKHEM), En. Mohd Zabidi Ahmad, En. Saiful Munir Mansor, Cik Norhaida Mohd Yusof, Pn. Kamatchi a/p Veerapathran, Pn. Nurbaini Zainal Abidin, En Su Too Fong, En. Mustaffa Mohd Othman.

Berdiri baris kedua: Pn. Hasmida Hashim, Pn. Noorhazani Ibrahim, Pn. Ng Aik Huey, Pn. Nor Fazilah Abd Aziz, Pn. Faridah Jamaluddin, Pn. Nurul Arisah Ab. Latiff, Pn. Halimah Majid, Cik Athiah Baharudin, Pn. Norazlina Hasbullah, Pn. Noor Aniza Mohd Noor, Pn. Hjh. Salwani Jusoh, Pn. Norkhidah Abdullah, Pn. Zarrin Abdullah, Cik Marhaini Lop Mokhtar, Pn. Jagjeet Kaur, Pn. Yen Kim Yew, Pn. Jamaliah Yahya Zikri, Pn. Sadiah Mohd Kusny, Pn. Rohana Mohd Said, Pn. Noor Ashikin Dahalan, Cik Majmiza Johar, Pn. Suzaini Abd. Majid, Pn. Jauriah Mat.

Berdiri baris ketiga dari kanan: Pn. Choo Lik Pin, Pn. Nooraini Abdul Hamid, Cik Hasrina Roslani, Pn. Siti Faridah Othman, Pn. Fatimah Mustaffa,Pn. Salina Bakri, Cik Che Rogayah Che Daud, Cik Noraizah Shaharuddin, Pn. Ong Tarn Choon, Pn. Mardziah Yasok, Pn. Azizah Abdullah, En. Saleh Din, En. Sukiman Sulaiman, En. Douglas Ratnapala, En. Shaari Idris, En. T. Arumugasamy, En. Rahmat Mohd Khatib, En. Mohd Norhizar Umar.

Berdiri baris belakang dari kanan: En. Lim Tong Eng, En. Gopinath, En. Choo Chee Seng.

Guru-guru yang tiada dalam gambar: Pn. Ruzita Othman, Pn. Noraidah Sulaiman, Pn. Wan Nooraini Wan Embong, En. Aziqi Hussin, Pn. Amarjit Kaur a/p Dalip Singh, Pn. Rahmah Othman, En. Rama Rao En. Mashar Hamdan, En. Mohd Fadly Nordin, En. Mutufarudin Muhamad, Pn. Rubiah Jusoh, En. Manickavasagam, Pn. Hashimah Hashim, En. Amin Mohamed.

JASAMU DI KENANG



'ORA ET LABORA', itulah ucapan penuh makna yang dilafazkan buat pelajar sekolah oleh Pengetua Sekolah Menengah (L) Methodist, Sentul iaitu En. A. Atputharaja. Tanggal 24 Oktober 1999 adalah tarikh persaraan beliau yang diraikan bersama sebagai mengenang jasanya yang tidak berbelah bahagi. Anda ingin mengenalinya lebih dekat? Jika itu, hayatilah rencana ini.

Beliau adalah anak kelahiran Parit Buntar, Perak. Anak keempat daripada enam adik-beradik ini mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Methodist Nibong Tebal. Seterusnya, beliau menjejakkan kaki ke Sekolah Menengah Methodist Nibong Tebal. Beliau juga aktif dalam bidang ko-kurikulum dan memegang jawatan sebagai Pengawas Sekolah. Selepas berjaya di tingkatan 5, beliau melanjutkan pelajaran di tingkatan 6.

Berkat kesungguhan yang ditonjolkan, maka beliau diterima belajar di Universiti Malaya dan beroleh B.A (Hons), Diploma Pendidikan. Selepas itu beliau mula berkhidmat sebagai guru pada 1971 di S.M Sri Garing, Rawang. Di sana beliau dinaikkan pangkat sebagai Penolong Kanan. Selama 14 tahun berkhidmat, beliau telah diberi jawatan sebagai Pengetua pada 1985 dan dihantar berkhidmat di S.M Tuanku Abdul Rahman, Batu Arang selama setahun. Pada tahun 1986 - 1988, beliau juga memegang jawatan tersebut tetapi di S.M. Sultan Sulaiman Shah, Batang Berjuntai dan akhirnya dihantar ke S.M (L) Methodist, Sentul pada Julai 1988. Sepanjang perkhidmatannya, beliau pernah mengajar matapelajaran Bahasa Inggeris dan Sejarah.

Hasil daripada kejayaan diturunkan kepada tiga orang anak perempuannya yang mengambil jurusan perakaunan (Akauntan). Beliau kini telah pun menjangkau umur 54 tahun pada 24 Oktober 1999 dan akan bersara pada tarikh tersebut. Selepas persaraannya, beliau bercita-cita menceburi bidang pendidikan yang lain seperti menjadi Pensyarah.

Oleh yang demikian, sumbangan beliau dalam mendisplinkan pelajar sekolah ini amat dihargai. Apabila ditanya mengenai harapannya, beliau ingin melihat sekolah ini menjadi sekolah bistari dan berdisplin suatu hari nanti. Selain itu juga beliau berharap imej sekolah ini akan meningkat dan dapat diperbaiki dari semasa ke semasa.

IN-PERSON : GURU-GURU KANAN

MISS GOH KAI LIAN



Kelayakan Akademik
B.A. (Hons)

Kelayakan Ikhtisas
Diploma Pendidikan

PN. TEOH KWAN SWEE



Kelayakan Akademik
B.Sc (Hons)

Kelayakan Ikhtisas
Diploma Pendidikan

PN. LOW YEW LIM



Kelayakan Akademik
B.Sc (Hons)

Kelayakan Ikhtisas
Diploma Pendidikan

PN. LAU CHONG KONG



Kelayakan Akademik
B.Sc (Hons)

Kelayakan Ikhtisas
Diploma Pendidikan

PN. YEE KOK SEONG



Kelayakan Akademik
B.Sc. (Hons)

Kelayakan Ikhtisas
Diploma Pendidikan

PN. JANET



Kelayakan Akademik
B.A (Hons)

Kelayakan Ikhtisas
Diploma Pendidikan


PN. RUZITA



Kelayakan Akademik
B.Sc (Hons)

Kelayakan Ikhtisas
Diploma Pendidikan

EN. K. SELVARAJA



Kelayakan Akademik
B.A (London)

Kelayakan Ikhtisas
R.T.C (K.L.)

Bil.	Nama Guru	Jumlah Tahun Perkhidmatan	Jawatan Tugasan (1999)
1.	En. Mohd Arif b. Mohd Ali	8	Ketua Guru Displin, Guru Pen. Bola Sepak
2.	Pn. Serina Jaafar	5	Guru SPBT, Guru Pen. MUTEC
3.	Cik Norhaida Mohd Yusof	4	Guru Pusat Sumber, Guru Pen. Bahasa Inggeris
4.	En. A. Veelurajan	20	S/U Sukan, J/latih Olahraga, Guru Pen. Karate
5.	En. Choo Chee Seng	14	S/U Peperiksaan, Guru Pen. Rumah Merah
6.	Pn. Wan Nooraini Wan Embong	9	Penyelia Ting. 5, Guru Pen. Kelab Usahawan Muda, Ketua Panitia Perdagangan
7.	En. Mohd Zabidi Ahmad	6	Guru Pen. Skuad-Anti-Dadah, Penyelia Ting. 4, Guru Pen. Kelab Rekacipta
8.	En. Soo Too Fong	24	Ketua Panitia Matematik, Guru Kesihatan/ Kantin, Penyelia Ting 3, Guru Pen. Taekwando, Guru Kelab Komputer
9.	Pn. Noraidah Sulaiman	3	Guru Majalah, Guru Pen. Silat, Guru Ting. 5M1
10.	Pn. Mardziah Yasok	6	Guru Biasiswa, Guru Pen. Rumah Biru, Guru Pen. PERBADIS, Guru Ting. 5M2
11.	Pn. Noor Aniza Mohd. Noor	8	Guru Pen. Sejarah, Guru Ting. 5M3
12.	Pn. Zarrin Abdullah	11	Guru Pen. Sains/Matematik, Ketua Panitia Bahasa Inggeris, Guru Ting. 5B1
13.	Pn. Rohana bt. Mohamed Said	5	Guru Ting. 5B2
14.	Cik Majmiza Johar	6	Setiausaha J/K Akademik, Ketua Panitia Bahasa Melayu, Guru Ting. 5B1
15.	Pn. Ng Aik Huey	3	Penyelaras AJK Maklumat Sek., S/U Ko-kurikulum, Guru Pen. Bola Keranjang, Guru Pen. Bahasa Cina, Guru Ting. 5S2
16.	En. Aziqi b. Hussain	2	Guru Sepak Takraw, Guru Pen. Rumah Ungu, Guru Ting. 4M1, Guru Pengakap

Bil.	Nama Guru	Jumlah Tahun Perkhidmatan	Jawatan Tugasan (1999)
17.	Pn Amarjit Kaur a/p Dalip Singh	15	Ketua Panitia Geografi, Guru Pen. Perst. Sikh, Guru Ting. 4M1
18.	Pn. Rahmah Othman	22	Ketua Panitia Pend. Seni. Guru Pen. Kelab Pen. Seni, Guru Pen. Rumah Hijau, Guru Ting. 4M3
19.	Pn. Jamaliah Hj. Yahya Zikri	7	Bendahari P.I.B.G, Guru Pen. Kelab Pengguna/Perdg., Guru Ting 4B
20.	Pn. Norkhidah Abdullah	15	Lembaga Ketua Ting., Guru Ting. 4S1
21.	Pn. Jauriah Mat	7	Ketua Panitia Sejarah, Guru Pen. Bahasa Melayu, Guru Ting. 4S2
22.	Cik Noraizah Shaharuddin	4	Penyelaras Kad 001, Guru Kadet Remaja, Guru Ting. 4S3
23.	Pn. Suzaini Abd Majid	7	Guru Kelab Pencinta Alam dan Keceriaan, Guru Ting 3M1, Guru Majalah, AJK Pusat Sumber
24.	Pn. Sadiah Mohd Kusny	2	Guru Ting. 3M2
25.	Pn. Hjh. Salwani Jusoh	11	Ketua Panitia Pend. Islam, Penyelaras Buku Teks Guru, Penyelaras Surau, Guru Ting. 3M3, Guru Pen. Ping Pong
26.	Cik Hasrina Roslani	3	Guru Pen. PBSM, Guru Ting. 3B1
27.	Pn. Nurul Arisah Ab. Latiff	3	Guru Ting. 3B2
28.	Pn. Fatimah bt. Mustafa		Guru Ting. 3B3, Guru Pen. Badminton
29.	Pn. Nor Fazilah bt. Abd. Aziz	1	Guru Kebajikan Pelajar/Derma, Guru Per. Kelab Kebajikan Pelajar, Guru Ting. 5S1
30.	En. T. Arumugasamy	21	Guru Pen. Briged Putra, Guru Pen. Hoki, Guru Ting 3S2
31.	En. Lim Tong Eng	19	Ketua Panitia Pend. Moral, Guru Kuarter Master/Penyelarasan Perabot, Guru Sistem Siaraya, Guru Briged Komuniti, Guru Kelab Catur
32.	En. Saiful Munir b. Mansor	9	Ketua Panitia P.J.K, Penyelia Ko-Kurikulum, J/latih Hoki
33.	En. Rahmat b. Mohd Katib	7	Guru Disiplin, Guru Lat. Kebakaran, Guru Kelab Internet

Bil.	Nama Guru	Jumlah Tahun Perkhidmatan	Jawatan Tugasan (1999)
34.	En. Mashar Hamdan	20	Ketua Panitia Kemahiran Hidup, Guru Per. Rumah Kuning
35.	En. Rama Rao a/l P. Ellah	16	-
36.	Pn. Fatimah Mustafa	1	Guru Per. Bahasa Melayu, Guru PBSM
SESSI PETANG			
1.	En. Mustaffa b. Mohd Othman	17	Penolong Penyelia Petang.
2.	Pn. Nurbaini Zainal Abidin	11	Guru Kelab Internet, Guru Rumah Kuning, Guru Disiplin, Penolong Ketua Panitia Bahasa Inggeris
3.	Pn. Choo Lik Pin	17	Guru SPBT, Guru Kelab Ping-Pong, Pen. Ketua Panitia Matematik
4.	En. Mohd. Fadly Nordin	3	J/latih Sepak Takraw, S/U Sukan, Pen. Ketua Panitia P.J.K, Guru 1S2
5.	Pn. Salina Bakri	7	S/U P.I.B.G, Guru Kelab Usahawan Muda, Guru Jualan Koperasi
6.	Pn. Ong Tarn Choon	10	Bendahari Koperasi, Guru Pen. Bahasa Cina
7.	Pn. Halimah Majid	18	Penyelia Ting. 2, Guru Kesihatan/Kantin, Guru Sains/Matematik, Pen Ketua Panitia Pend. Moral
8.	Pn. Kamatchi a/p Veerpathran	7	Penyelia Ting. 1, Guru Pen. Bahasa Tamil/ Agama Hindu
9.	Cik Athiah bt. Baharudin	4	Penyelia Ting Peralihan, Guru Peralihan 2, Guru Pen. Pend. Seni, Pen. Ketua Panitia Pend. Seni
10.	Cik Che Rogayah Che Daud	3	Guru Keselamatan J/Raya, Guru Ting. 2M1
11.	Pn. Azizah Abdullah	10	Pen. Ketua Panitia Bahasa Melayu, Guru Kebajikan Pelajar/Derma, Guru Ting. 2M2
12.	En. Douglas Ratnapala	32	Guru Kelab Kriket, Guru Pen. Rumah Ungu, Guru Ting. 2M3
13.	Pn. Yen Kim Yew	28	Penolong Ketua Panitia Geografi, Guru Majalah, Guru Pen. Bahasa Inggeris, Guru Ting. 2B1

Bil.	Nama Guru	Jumlah Tahun Perkhidmatan	Jawatan Tugasan (1999)
14.	Pn. Noorhazani Ibrahim	1	Penyelaras Kad 001, Guru Ting. 2B2
15.	En. Shaari Idris	12	Penolong Ketua Panitia Sejarah, Guru Pen. Rumah Hijau, Guru Ting. 2B3
16.	Pn. Hasmida Hashim	1	Guru Ting. 2S1
17.	Pn. Jagjeet Kaur	14	Guru Ting. 2S2
18.	Cik Marhaini Lop Mokhtar	3	Guru Kelab Komputer, Guru Kelab Perdagangan/Pengguna, Guru Kadet Remaja, Guru Ting. 1M1
19.	Pn. Nor Azlina Hasbullah	1	Guru Kelab Badminton, Guru Ting. 1M2
20.	En. Mutufarudin b. Muhamad	4	Guru Latihan Kebakaran, Guru Kelab Catur, Guru Ting. 1M3
21.	Pn. Rubiah bt. Jusoh	3	Guru Pen. Sejarah, Guru Penyelaras Buku Teks Guru, Guru Ting. 1B1
22.	Pn. Nooraini bt. Abdul Hamid	19	Penolong Ketua Panitia Sains, Guru Pusat Sumber, Guru Ting. 1B2
23.	Pn. Siti Faridah Othman	1	Guru Pen. Olahraga, Guru Ting. 1B3
24.	En. Manickavasagam		Guru Ting. 1S1
25.	Pn. Noor Ashikin Dahalan	8	Guru UBS
26.	Pn. Hashimah Hashim	1	Guru Pen. Bola Keranjang, Guru Ting. Peralihan 1
27.	En. Mohd Salleh b. Din	3	J/latih Bola Tampar, Guru Pen. MUTEC, Guru Pen. Rumah Biru, Penyelaras Sistem Siaraya
28.	Pn. Faridah bt. Jamaludin	5	Guru Pen. PERBADIS, Guru Surau, Guru Pen. Panitia Pend. Islam, Guru Biasiswa
29.	En. Mohd. Norhizar b. Umar	1	Guru Kuarter Master, Pen. S/U Ko-Kurikulum, Guru Pen. Silat, Guru Pen. Rumah Merah
30.	En. Sukiman b. Sukimin	11	Guru Akademik
31.	En. Amin Mohamed	10	Guru Sukan, Guru Disiplin
32.	Pn. Fatiman bt. Hussain	1	Guru Kelab Rekacipta

KAKITANGAN BUKAN GURU



1. Pn. Bilbindar Kaur
2. Pn. Norma Bt Abdul Hamid
3. Pn. Zauyah @ Joy Bt Abd Aziz
4. En. Rosli B. Husin
5. En. On. B. Abdul Rahman
6. Pn. Roselin Mary a/p Packiam
7. En. Bachittar Singh a/l Lakha Singh
8. Pn. Valli
9. Pn. Ramayee
10. En. Mayappan
11. Pn. M. Yogambal (tiada dalam gambar)

Duduk dari kanan : En. Rosli B. Husin, Pn Bilbindar Kaur, Miss Goh K.L., En. Atputharaja, P. Teoh K.S., Cik Mashitah (telah berpindah) dan En. On bin Abdul Rahman.
Berdiri dari kanan : Pn. Valli, En. Mayappan, En. Bachitar Singh a/l Lakha Singh, Pn. Norma bt. Abdul Hamid dan Pn. Ramayee.
Tiada dalam gambar : Pn. Zauyah @ Joy Bt. Abd. Aziz dan Pn. M. Yogambal.

S.M.K. (L) METHODIST SENTUL
TAKWIN SEKOLAH 1999

Minggu	Tarikh	Aktiviti
1.	4/1/99 hingga 8/1/99	1. Program Orientasi bagi pelajar-pelajar Tingkatan Peralihan dan 1 Pendaftaran Tingkatan 4, program orientasi dan taklimat Sekolah ke Kerjaya (SKK) 3. Mesyuarat Jawatankuasa Ko-kurikulum Sekolah (1)
2.	11/1/99 hingga 15/1/99	1. Mesyuarat panita-panita mata pelajaran. 2. Bengkel Kesedaran PMR dan SPM
		CUTI HARI RAYA HAJI (18/1/99 - 22/1/99)
3.	25/1/99 hingga 29/1/99	1. Mesyuarat Jawatankuasa Ko-Kurikulum Sekolah (1) 2. Kursus Kepimpinan Tingkatan 2. 3. Mesyuarat Rumah Sukan dan latihan sukan 4. Penyerahan Buku Rekod Mengajar
4.	1/2/99 hingga 5/2/99	CUTI HARI WILAYAH / HARI THAIPUSAM (1/2/99) 1. Minggu Bahasa Melayu 2. Mesyuarat Lembaga Disiplin Sekolah
5.	8/2/99 hingga 12/2/99	1. Kempen Ko-Kurikulum 2. Mesyuarat Kelab / Persatuan 3. Mesyuarat Pentadbir Sekolah (2)
		CUTI TAHUN BARU CINA (15/2/99 - 19/2/99)
6.	22/2/99 hingga 26/2/99	1. Program Kemahiran Belajar Tingkatan 1 - 5 2. Mesyuarat AJK Pendidikan Pencegahan Dadah Sekolah 3. Bengkel Pengurusan Persatuan (27/2/99)
7.	1/3/99 hingga 5/3/99	1. Hari Sukan (5/3/99)
8.	8/3/99 hingga 12/3/99	1. Minggu Bahasa Inggeris 2. Peningkatan Profesionalisme (1) - 13/3/99 3. Penyemaikkan buku latihan (BM, Georg, Perd., EKA, P. Akaun, P. Moral)
9.	15/3/99 hingga 19/3/99	1. Pemeriksaan Kesihatan Tingkatan 3 2. Pengambilan gambar untuk majalah
10.	22/3/99 hingga 26/3/99	1. Peperiksaan Pertengahan Penggal 1 (24/3/99 - 26/3/99) 2. Mesyuarat Pentadbir (3)
11.	29/3/99 hingga 2/4/99	**CUTI HARI RAYA HAJI (29/3/99)** **CUTI PERISTIWA - GOOD FRIDAY (2/4/99)** 1. Kempen Sebulan Sekolah Penyayang (1/4/99 - 30/4/99)
12.	5/4/99 hingga 9/4/99	1. Minggu Anti-Dadah
13..	12/4/99 hingga 16/4/99	1. Penyemakan buku latihan (Bl. Sejarah, KH, P.Islam, Tas. Islam Mat, Reka Cipta)
14.	19/4/99 hingga 23/4/99	**CUTI PERISTIWA - MAAL HIJRAH (19/4/99)**

Minggu	Tarikh	Aktiviti
15.	26/4/99 hingga 30/4/99	1. Latihan Kebakaran (1) 2. Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum (2)
16.	3/5/99 hingga 7/5/99	1. Seminar Teknik Menjawab Soalan PMR (4/5/99)
17.	10/5/99 hingga 14/5/99	1. English Fest (15/5/99)
18.	17/5/99 hingga 20/5/99	1. Peperiksaan Pertengahan Tahun (Tingkatan Peralihan - 5) 2. Perayaan HARI GURU (21/5/99) 3. Kursus Kepimpinan Badan Beruniform (21/5/99 - 23/5/99)
		CUTI PERTENGAHAH TAHUN (22/5/99 - 6/6/99)
19.	7/6/99 hingga 11/6/99	1. Peperiksaan Pertengahan Tahun Tingkatan 4 & 5 (sambungan)
20.	14/6/99 hingga 18/6/99	1. Mesyuarat Pentadbir (3) 2. Ekspo Kerjaya Pendidikan Tinggi (16/6/99 - 17/6/99)
21.	21/6/99 hingga 25/6/99	1. Penyemakan buku latihan (2) (BM, Geog., Per., EKA, P.Akaun P. Moral)
22.	28/6/99 hingga 2/7/99	1. Ujian Lisan BM (SPM) - 1/7/99 hingga 15/7/99
23.	5/7/99 hingga 9/7/99	1. Hari Anugerah dan Mesyuarat Agung PIBG (10/7/99) 2. Ujian Lisan BM (SPM) - sambungan
24.	12/7/99 hingga 16/7/99	1. Kuiz Perdagangan 2. Pertandingan Reka Cipta Zon Sentul
25.	19/7/99 hingga 23/7/99	1. Ujian Lisan BI (SPM) - 19/7/99 hingga 31/7/99
26.	26/7/99 hingga 30/7/99	1. Ujian Lisan BI (SPM) - sambungan 2. Peningkatan Profesionalisme (2)
27.	2/8/99 hingga 6/8/99	1. Peperiksaan Pertengahan Penggal 2
28.	9/8/99 hingga 13/8/99	1. Bengkel UPU (9/8/99) 2. Bengkel Kemahiran Selepas SPM (10/8/99) 3. Pameran Pendidikan Tinggi Swasta
29.	16/8/99 hingga 20/8/99	1. Latihan Kebakaran (2) 2. Seminar Kecemerlangan SPM (20/8/99 - 21/8/99)

Minggu	Tarikh	Aktiviti
30.	23/8/99 hingga 27/8/99	1. Minggu Patriotisme
31.	30/8/99 hingga 3/9/99	**CUTI PERISTIWA (30/8/99)** **CUTI HARI KEBANGSAAN (31/8/99)**
		CUTI PERTENGAHAN PENGGAL 2 (6/9/99 -10/9/99)
32.	13/9/99 hingga 17/9/99	
33.	20/9/99 hingga 24/9/99	1. Peperiksaan Percubaan PMR
34.	27/9/99 hingga 1/10/99	1. Peperiksaan Percubaan SPM
35.	4/10/99 hingga 8/10/99	1. Peperiksaan Percubaan SPM (sambungan)
36.	11/10/99 hingga 15/10/99	1. Projek Ulangkaji PMR 2. Gerak-Gempur Sains (SPM)
37.	18/10/99 hingga 22/10/99	1. Projek Ulangkaji PMR (sambungan) 2. Peperiksaan Akhir Tahun Tingkatan 4 3. MAJLIS PERPISAHAN TUAN PENGETUA (22/10/99)
38.	25/10/99 hingga 29/10/99	1. Peperiksaan Akhir Tahun Tingkatan Peralihan, 1, 2,dan 4 2. Projek Ulangkaji PMR (sambungan) 3. Projek Ulangkaji SPM 4. Taklimat PMR
39.	1/11/99 hingga 5/11/99	1. Peperiksaan PMR 2. Projek Ulangkaji SPM (sambungan) 3. Peningkatan Profesionalisme (3)
40.	8/11/99 hingga 12/11/99	1. Peperiksaan Akhir Tahun Tingkatan Peralihan, 1, 2, dan 4 (sambungan) 2. Projek Ulangkaji SPM (sambungan) 3. Ujian Lisan PMR 4. Majlis Perpisahan Tingkatan 5
41.	15/11/99 hingga 19/11/99	1. Penyerahan Buku Kemajuan Pelajar, Lembaran Markah, Kad 001, dll
		PEPERIKSAAN SPM (22/11/99 - 10/12/99)
		CUTI AKHIR TAHUN 21/11/99 - 2/1/2000)

ANALISIS KEPUTUSAN PEPERIKSAAN PMR 1998
SEK. MEN. (L) METHODIST SENTUL, KUALA LUMPUR

1. Jumlah pelajar yang memperolehi semua mata pelajaran 'A' (straight As).

Bilangan Calon Yang Ambil Peperiksaan	Jumlah Yang Memperolehi Semua Mata Pelajaran 'A'	Peratus
342	4	1.17


2. Keputusan PMR keseluruhan mengikut matapelajaran bagi tahun 1998.

Bil.	Mata Pelajaran	Bil. Calon	Pangkat A		Pangkat B		Pangkat C		Pangkat D		Pangkat E		Bil. Lulus Keseluruhan	Peratus Lulus Keseluruhan
			Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%		
1.	Bahasa Melayu	338	19	5.62	71	21.0	113	33.4	82	24.3	53	15.7	285	84.32
2.	Bahasa Inggeris	339	65	19.2	60	17.7	55	16.2	53	15.6	106	31.3	233	68.73
3.	Matematik	338	66	19.5	45	13.3	42	12.4	134	39.6	51	15.1	287	84.91
4.	Sains	340	39	11.5	25	7.35	52	15.3	182	53.5	42	12.4	298	87.95
5.	Sejarah	340	31	91.2	60	17.7	78	22.9	120	35.3	51	15.0	289	85.00
6.	Geografi	339	26	7.67	39	11.5	67	19.8	144	42.5	63	18.6	276	81.42
7.	Pend. Islam	135	12	8.89	30	22.2	36	26.7	41	30.4	16	11.9	119	88.15
8.	Kemahiran Hidup (Pil. 1)	342	41	12.0	76	22.2	127	37.1	56	16.4	42	12.3	300	87.72
9.	Bahasa Cina	28	1	3.57	5	17.9	4	14.3	8	28.6	10	35.7	18	64.29
10.	Bahasa Tamil	7	-	-	-	-	2	28.6	3	42.9	2	28.6	5	71.43

PELAJAR-PELAJAR TERBAIK PMR 1998

	8A		
1.	K020	Mohammad Shaharom Bin Ahmad Ismail	8A
	7A		
1.	K030	Norhanizam Bin Kairudin	7A, 1B
2.	K034	Shamsolnizam Bin Ariffin	7A, 1B
3.	K010	Hoh Wan Sek	7A, 1B
4.	K037	Sivamuralitharan A/L Muniandy	7A
5.	K041	Vickneswaran A/L Eliathamby	7A
	6A		
1.	K009	Hoh Chun Mun	6A, 2B
2.	K019	Malik Bin Mustakim	6A, 2B
3.	K026	Mohd Radzi Bin Mohd Ridza	6A, 2B
4.	K044	Yong Kai Mun	6A, 1B, 1C
5.	K032	Raymond Ng Wee Kian	6A, 1B, 1D
6.	K013	Lai Chin Hor	6A, 1B
7.	K018	Low Kim Fook	6A, 1B
8.	K006	Gary Low Kim Kuan	6A, 1C
9.	K016	Lim Thiam Siong	6A, 1C
10.	K038	Suganthiran A/L Sugunathan	6A, 1C

PELAJAR CEMERLANG
PMR 1998



Nama : Hoh Wan Sek
Kelas :
Keputusan PMR : 7A

Rahsia Kejayaan : Saya sendiri pun tidak pasti apakah sebenarnya yang menjadi rahsia kejayaan. Yang pasti, saya telah menghadiri banyak seminar dan kelas-kelas intensif. Ulangkaji dan membuat latihan tambahan dapat membantu mengukuhkan memori. Sebelum hari peperiksaan, buatlah persediaan yang secukupnya dari segi kesihatan, kelengkapan dan maklumat tentang peperiksaan.

Pendorong : Saya mendapat dorongan daripada ibubapa, guru, saudara dan juga rakan. Selain itu, juga memastikan matlamat saya semasa di Tingkatan 3. Saya mendapatkan nasihat daripada mereka yang pernah berjaya dan juga meyakinkan diri-sendiri untuk terus berusaha.

Nasihat : Mungkin nasihat ini pernah kita dengar beribu kali, tetapi inilah nasihatnya. Jangan putus asa. Jangan takut untuk membuat kesalahan dalam pelajaran. Belajarlah daripada kesilapan. Tanyalah guru apabilah ada sebarang kemusykilan dalam mata pelajaran tertentu. Walaupun anda telah banyak berusaha dan berdoa, itu tidak memadai. Yang membantu anda dalam peperiksaan merupakan keyakinan. Ada keyakinan tidak pasti berjaya tetapi tanpa keyakinan pasti gagal. Dengan berkat usaha, doa dan keyakinan, percayalah, anda pasti berjaya!



Nama : Mohammad Shaharom Bin Ahmad Ismail
Kelas :
Keputusan PMR : 8A

Rahsia Kejayaan : Beri perhatian semasa guru mengajar, merancang masa atau membuat jadual waktu belajar. Kerja rumah yang diberi harus disiapkan dan akhir sekali banyakkan membuat latihan di rumah.

Pendorong : Keluarga, guru dan rakan.

Nasihat : Sentiasa menumpukan perhatian semasa belajar disamping mengurangkan sedikit aktiviti-aktiviti luaran.

PELAJAR CEMERLANG
PMR 1998




Nama : Vikneswaran
Kelas : 4 Setia 3
Keputusan PMR : 7A

Rahsia Kejayaan : Saya telah belajar berulang kali dan membuat banyak latihan.

Pendorong : Saya ingin berjaya dalam kehidupan dengan menjadikan cita-cita saya untuk belajar sehingga ke peringkat yang tertinggi sebagai satu kenyataan.

Nasihat : Jika kita inginkan kejayaan, kita seharusnya berusaha untuk menjadikan kejayaan itu satu realiti.



Nama : M. Sivamuralitharin
Kelas : 4 Setia 3
Keputusan PMR : 7A

Rahsia Kejayaan : Belajar secara sistematik dan terancang. Semua aspek penting seperti masa, matlamat kita dan lain-lain harus dititikberatkan.

Pendorong : Ibubapa ialah pendorong utama bagi saya. Selain daripada mereka guru-guru dan rakan-rakan saya juga banyak memberi galakkan kepada saya.

Nasihat : Gunakan setiap peluang yang anda dapat dengan bermanfaat. Jangan hampakan harapan orang tua anda.

ANALISIS PEPERIKSAAN SPM 1998

Bil.	Mata Pelajaran	Bil. Calon	1	2	3	4	5	6	7	8	Bil. Lulus (1-8)	9	Bil. Tidak Hadir	% Lulus	% Lulus '97
1.	Bahasa Melayu	235	1	4	7	19	18	21	57	55	182	53	12	77.45	82.33
2.	Bahasa Inggeris	237	3	8	12	14	16	22	62	8	145	92	10	61.18	78.28
3.	Sejarah	240	3	4	7	8	9	11	25	31	98	142	7	40.83	55.09
4.	Matematik	232	30	15	10	6	6	9	19	39	134	98	15	57.76	67.60
5.	Pendidikan Moral	127	1	5	2	4	5	6	17	45	85	42	4	66.93	67.94
6.	Pendidikan Islam	115	2	10	9	11	12	13	19	17	93	22	0	50.89	90.59
7.	Sains	173	0	0	2	9	11	24	42	31	119	54	6	67.79	78.90
8.	Geografi	33	0	0	0	0	0	2	4	3	9	24	6	27.27	89.47
9.	Pend. Seni	155	2	2	4	7	2	37	31	37	140	15	18	90.32	93.50
10.	Matematik Tambahan	69	8	11	3	3	6	10	6	13	60	9	0	86.96	95.20
11.	Perdagangan	140	0	0	0	4	3	6	19	27	59	81	3	62.14	50.70
12.	Prinsip Akaun	68	8	1	3	2	2	5	2	9	32	36	5	47.06	65.50
13.	Ekonomi Asas	34	0	0	1	0	1	2	7	9	20	14	4	58.82	65.50
14.	Fizik	68	4	3	7	8	5	10	18	13	68	0	0	100.00	100.00
15.	Kimia	66	4	3	6	5	4	3	13	22	60	6	0	90.91	90.50
16.	Biologi	67	5	1	6	4	6	10	20	10	62	5	0	92.54	89.50
17.	Tasawwur Islam	127	5	8	13	11	6	5	7	12	67	60	4	52.76	-
18.	Bahasa Cina	2	0	0	0	0	0	1	0	0	1	1	0	50.00	100.00
19.	Bahasa Tamil	3	0	1	0	1	0	1	0	0	3	0	0	100.00	-
20.	Bible Knowledge	2	0	0	0	0	0	0	0	1	1	1	0	50.00	100.00
21.	Muzik	1	0	0	0	0	0	1	0	0	1	0	0	100.00	-

ANALISIS KEPUTUSAN PEPERIKSAAN SPM 1998

1. **Pencapaian Mengikut Gred (Pangkat)**

Pangkat	Bilangan	Peratus
Pangkat 1	29	11.74
Pangkat 2	51	20.64
Pangkat 3	37	14.97
Bil. Lulus (1,2 dan 3)	117	47.37
Bil. Calon	247	
Bil. Gagal	130	

2. **Bilangan Pelajar Cemerlang**


Bilangan A	Bilangan	Peratus
10	0	0
9	0	0
8	1	0.4
7	1	0.4

3. **Pencapaian Mengikut Kelas**

Kelas	Pangkat 1	Pangkat 2	Pangkat 3	Bilangan Lulus	SAP	Gagal	Bilangan Pelajar
5M1	1	2	5	8	10	23	41
5M2	0	5	3	8	9	21	38
5M3	0	2	2	4	3	22	29
5B1	3	6	6	15	13	4	32
5B2	1	5	10	16	9	14	39
5S1	20	15	2	37	0	0	37
5S2	4	16	9	29	2	0	31
Jumlah	29	51	37	117	136	84	247

4. **Profit Pelajar Yang Mendapat SAP Dan Gagal**

Bil. Mata Pelajaran yang Lulus	Bilangan Pelajar	Peratus
4	18	7.5
5	22	9.2
6	8	7.5
7	7	
8	2	
9	1	



PROFILE PELAJAR CEMERLANG

Beliau merupakan antara pelajar cemerlang di dalam peperiksaan Menengah Rendah (PMR) dengan memperolehi 6A 1B pada tahun 1996. Bertitik tolak dari satu beliau telah ditempatkan di dalan aliran Sains, suatu bidang yang memang diminati oleh beliau. Berkat ketekunan dan usaha gigih, disamping dorongan guru-guru, beliau telah berjaya memperolehi enam A1 iaitu mata pelajaran Kimia, Biologi, Matematik Tambahan, Matematik, Prinsip Akaun, Pendidikan Moral dan dua A2 iaitu mata pelajaran Fizik dan Sejarah di dalam peperiksaan SPM 1998. Sikap yang bertanggungjawab, dedikasi, menghormati guru, sopan santun dan cerdas telah meletakkan beliau sebagai Ketua Pengawas Sekolah bagi sesi 1997/1998. Beliau juga adalah seorang pelajar yang aktif di dalam kegiatan ko-kurikulum. Pernah menjawat jawatan Pengerusi Persatuan Agama Buddha, Ketua Biro Unit Bimbingan Sekolah dan Setiausaha Rumah Kuning. Ini patut dijadikan contoh dan idola bagi pelajar-pelajar lain. Beliau yang dimaksudkan ialah saudara **LOW YONG LIM**.



PELAJAR CEMERLANG SPM 1998 - SASTERA

Nama	:	Zazali Bin Mohd Zain
Kelas	:	5 Murni 1
Tarikh Lahir	:	11.3.1981
Tempat Lahir	:	Hospital Besar, Kuala Lumpur
Hobi	:	Bermain Bola Sepak
Cita-cita	:	Belum difikirkan
Anak yang ke berapa dalam keluarga	:	Ke 5 daripada 5 adik beradik
Falsafah Hidup	:	Sentiasa berjaya dalam hidup
Kecenderungan	:	- Wakil Sekolah Bola Sepak - Ahli Kelab Seni Lukis (AJK)
Kejayaan	:	Memperolehi Pangkat 1 (Agregat 24) dalam SPM - Kelas Sastera.
Harapan	:	Sentiasa berjaya dalam bidang yang diceburi.

Zazali Mohd Zain pelajar Kelas Sastera adalah pelajar cemerlang bagi aliran Sastera pada tahun 1998. Dia dilahirkan pada 11 Mac 1981 bertempat di HBKL. Pelajar Kelas '5 Murni 1' ini mendapat pangkat 1 dalam peperiksaan SPM 1998. Dia bercita-cita ingin berjaya dalam bidang yang diceburinya. Manakala hobinya adalah bermain bola sepak. Anak bongsu daripada 5 adik-beradik ini berkecenderungan mewakili sekolah dalam permainan bola sepak dan aktif dalam kegiatan luaran seperti menyertai Kelab bolasepak. Pelajar ini memegang falsafah sentiasa beroleh kejayaan dalam hidup mendorong dia memperolehi hasil titik peluhnya dalam aliran Sastera.

TEMURAMAH DENGAN PELAJAR TERBAIK DALAM PEPERIKSAAN SPM

Chong Sze Ming, pelajar dari Tingkatan 5S1 tahun 1998 telah dipilih antara pelajar terbaik dalam peperiksaan SPM bagi aliran Sains tahun 1998. Beliau berjaya memperolehi keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan SPM 1998. Berikut merupakan sesi wawancara antara wakil Sidang Redaksi dengan beliau :-

K = Kueh Choon Leng (Wakil Sidang Redaksi)
C = Chong Sze Ming (Pelajar Terbaik)

K : Selamat sejahtera dan terima kasih kepada saudara kerana sudi menerima wawancara ini. Saya mewakili Sidang Redaksi untuk menemuramah saudara.

C : Selamat Sejahtera. Sebenarnya, saya berasa bangga kerana ditemuramah.

K : Terlebih dahulu, saya mewakili pihak Sidang Redaksi inging mengucapkan tahniah atas kejayaan saudara dan kami turut berbangga atas kejayaan saudara ini.

C : Terima Kasih.

K : Bolehkan saudara memberitahu saya serba sedikit tentang latar belakang saudara?

C : Saya tinggal bersama dengan ibu bapa saya. Saya juga mempunyai seorang abang yang juga bersekolah di MBS.

K : Apakah perasaan dan reaksi pertama saudara setalah mendapat keputusan SPM saudara?

C : Saya berasa terkejut dan terlalu gembira.

K : Bolehkan saudara nyatakan apakah kunci kejayaan saudara?

C : Boleh, apa salahnya? Pada pendapat saya, kita harus sentiasa mengulangkaji setiap mata pelajaran yang diajar oleh guru dan mempunyai inisiatif untuk membuat kerja dan membaca buku dengan sendiri. Yang paling penting ialah apabila musim peperiksaan semakin dekat, kita mesti tenang dan cuba mengurangkan tekanan kepada diri sendiri kerana tekanan akan mempengaruhi emosi kita semasa peperiksaan. Selain itu, pembahagian masa amat penting juga. Kita mesti pandai mengurus dan membahagikan masa kita untuk membuat ulangkaji.

K : Pada pendapat saudara, adakah ulangkaji secara berkumpulan itu berkesan?

C : Pada pendapat saya, ianya tidak berkesan kerana saya rasa kita tidak dapat berbincang secara serius dan juga adakalanya terdapat percanggahan pendapat antara ahli kumpulan. Sebaliknya, saya berasa masa itu lebih baik digunakan untuk mengulangkaji sendiri.

K : Apakah rancangan saudara selepas SPM? Adakah saudara akan melanjutkan pelajaran?

C : Saya akan meneruskan pendidikan saya ke menara gading. Saya bercita-cita untuk menjadi seorang ahli fizik.

K : Adakah saudara ingin menyampaikan salam atau penghargaan kepada guru atau rakan saudara?

C : Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ibu bapa dan guru-guru, terutama sekali Puan Norkhidah, Pn. Low Yew Lim, Pn. Teoh Kwan Swee, Pn. Low Chong Kong, Miss Gan, Pn. Janet dan Pn. Jauriah serta Pn. Zarin. Saya juga ingin menyampaikan penghargaan kepada rakan-rakan saya yang telah mengulangkaji bersama saya. Akhir sekali, terima kasih kepada saudara dan pihak Sidang Redaksi kerana sudi menemuramah saya.

K : Semoga saudara dapat mencapai kejayaan yang cemerlang dan masa depan saudara lebih cerah. Dan sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada saudara dan berasa gembira kerana berpeluang berkenalan dengan saudara dan mewawancara saudara tentang kunci kejayaan saudara. Saya berharap ia dapat memberi suatu pedoman kepada semua pelajar SMK (L) Methodist Sentul. Semoga kita bersua lagi. Terima kasih.

C : Sama-sama.

ACARA SUKAN TAHUNAN KE 53



Lihatlah wajah-wajah finalis yang akan bergelar "Mrs M.B.S. 1999.....

Siapa nak borak dengan aku ni .....!!!!!



Alahai, mengantuk .....!!!!



Yaaaleee.....!!!

Koir Kuning

Bla.....Bla
Blaa ... Sok...
Sek .... Sok
Uh-eh-uh
a..uh....

Isk budak ini.



Eleh ..... POYO!!!!



Hensem juga aku ini

Cukup ke air ni untuk 1000 ahli kontijen, cikgu?

ACARA SUKAN TAHUNAN KE 53

Duduk bersanding pengantin baru do....



Pia ni perli aku ke???

Memperkenalkan kumpulan yang bakal mejatuhkan KRU...
Boys
II
Girls.

Malunya Akuuuu!!!!





Eh - EH - EH.... Hot.... Hot..... Hoooot (Panasnyer)



Atlit yang mendapat tempat pertama dalam acara jalan itik 1000m Sea baru-baru ini. (Awas!!!)



Kamu rasa siapa yang patut menyandang gelaran "Mrs. M.B.S. 1999" Ye???

lihatlah dunia...



ACARA SUKAN TAHUNAN KE 53

Diorang ni mengata aku ke....? Tak apa asalkan aku cantik.....



Pstt... Bla...Bla Cikgu....sok...sek...sukan ....uh...uh.....Sri.....ops.....sorry.

Smile you're in candid camera.....



Muat jer ni.... rasa macam nak jatuh jer.....?



UMNO .... MIC....MCA..... Bersatu teguh....bercerai kahwin lagi.

Where is the flight....?



Dah berlepas dah Pn.Janet..

Duduk kat tangga pun kira ok lah ni....

Tunduk sedikit awak terlalu tinggi.....



HARI GURU 1999

GURU BERKESAN PENDIDIKAN CEMERLANG



Persembahan daripada guru-guru kaum hawa.....



Hanya seorang saja guru lelaki yang turut serta.



Adakah student I cakap dia orang ada hak bersuara.....



Haah Yerlah



Jejaka idaman Malaya.

Pungguk lah mana,
Tidak berhias,
Hanyalah aku
Si pungguk hina...
Hai burung pungguk,
malang nasibku,
mukaku buruk,
Tak siapa tahu....



HARI GURU 1999



Sssaya ta takut cik cikgu...



Cari apa tu...? *ada lah...* *Cepatlah saya dah lapar.....*

Awak salam saya..... Kenapa awak pandang tempat lain.



lain macam je hadiah ni..... bom agaknya.



Eh....eh... dia ambil gambar aku.....

Untuk saya malunya.....



Sesungguhnya bunga yang indah ini hanya untuk cikgu seorang.

HARI ANUGERAH DAN MESYUARAT AGUNG PIBG 1999



Ibu-bapa kitaorang datang nak tengok kitaorang..... tapi diorang buat macam tak ada orang kat dewan tu....senyap.

Kerusi disusun dengan teratur... jadual disusun dengan teratur.... tapi berapa orang sahaja ibu bapa yang datang .....




Ini dia pertandingan menyusun kerusi.....

HARI ANUGERAH DAN MESYUARAT AGUNG PIBG 1999



Ish... apasal nama kita diorang tak panggil haa... apa??? diorang ingat kita tak sekolah.

Hah... musuh dapat dikesan.... heii..... di depan itu




dua orang penyibuk



Heh... heh... heh... anak pun sama..... lepas dapat sijil ni kamu kena menari kalau tidak NO SIJIL!!!

Cikgu Choo tak nampak.... jadi beliau menggunakan hidungnya untuk mengesan murid bising...






1...2...3.... Ewa bulenn..... madu.... 3 cukup bulan bermadu 4 yeahh.....

antara pendikir di sekolah kita.... semua lagu tak best..... yang best apa? Cikgu jugak.....



En. Kasim ..... bapa yang telah banyak memberi sumbangan kepada sekolah. Beliau adalah Pengerusi PIBG bagi sesi 1999/2000.

Aku sayang dia maa ..... aku cinta dia maa..... ..... la la laaa.. Thank you...





ek eleh..... saya cakap betul, betul laa... Sunway Lagooon mana ada laut.....

Saya tak puas hati sungguh dengan HM kita! Diaorang borak pasal nak pergi picnic tapi tak ajak saya ..... mana boleh.....






AKTIVITI SEPANJANG TAHUN

CANDID - CANDID - CANDID - CANDID
- SAAT "SPM RESULT" DIKELUARKAN -



nak jadi apa ya ???
SPM pangkat 1 ni....





aku rekod nak
masuk kadet tentera

Yer ker
Iskh Iskh
malunya



Pelembap muka kita guna
setiap pagi .....

apa topik
yang dia
cerita ini.



ayo moi.....
u manyak
cantik ma.....

AKTIVITI SEPANJANG TAHUN '99



Okay.... dengar nie... cikgu nak korang tarik kuat-kuat tali nie biar putus. Kalau tak putuss..... taulah.....(gertak semangat)



Antara gambar "gadis-gadis" MBS di sekolah kita. Kebanyakan dari babak-babak kita nie.....

Saya pun tak tahu apasal gambar diorang nie boleh ada dalam segmen nie.... kalau 'gambar' diorang nie lawa takpe la jugak....




Treng.....gg... hah!! tu dia ahli muzik jalanan yang kami jumpa sanggup bermain gitar untuk kami dari pagi sampai nak balik. Sorang pun tak tepuk tangan untuk dia....hah...hah...hah.


AKTIVITI SEPANJANG TAHUN '99



Wuhh, besar jugak lori bomba nie ye!,,,kak, apa kata lepas nie kita follow sama bomba nie.... mesti gempak punyee... wuihh.... (bisik)

(Wa percayalah) itulah dia anggota 'RELA' yang bakal ditugaskan menjaga pintu masuk sekolah kita..... ehh.... gambar nie kat mana?





Tuan... lepas nie campak sekali dengan botol-botol minyak nie ke... ataupun kasi meletup pemadam api tu... biarkan sekolah bie bergegar sekali .... hah.... hah.....

Kebanyakan dari abang-abang komunis kita nie berangan sebagai orang handsome tapi sebenarnya sarung awak pun tak sangkut... marilah kita gelakkan dia....Kah...Kah...Kah.



WANTED! *1999 KOMUNIS*



Inilah dia upacara memanaskan badan yang diketuai oleh Guru Displin kita.....



"Fuh! Fuh! Api... Api....! Woi budak!!!
Apahal korang tengok saje.... sekolah nak terbakar nie.....
ada ke patut?" kata Encik Rahmat.



Hah! Apa tunggu-tunggu lagi....
Kutiplah..... makan
gaji buta ....haii...DBKL
sorang nie....

Eh!!! mana pergi
penyu sekor nie...
baru kejap letak kat
sini dah hilang.....
Penyu .... oh .... penyu....



Yeah....
Tu dia
....Ketul 18



Alahaii.... abang sorang nie
eden taulah awak punya
badan berketul.... hah!
jangan lupa lepas nie rumah
aku pulak kau kemas
ingatt!!!

Control!....!



Kerja rajin-rajin....
angkat batu-bata...
suruh orang lain....
kerja sama kita....


** Kata pekerja yang datang membina bangku batu disekolah kita.*



Ok... Ok... dengar semua kanak-kanak tepuklah tangan dulu.... Dengan ini diumumkan Pemenangnya ialah ..... jeng-jeng ..... Saayaa!!!... yeahh....

Baiklah!

Control-control



Ingat!!! lepas nie pulangkan balik kepada saya.....

heh... heh... jangan haraplah budak-budak nie nak simpan pingat tu.....

Apalah diaorang borak tu?




+ lain-lain lagi

Berapa lama lagi lahh... aahh... perut dah bunyi nie... Grrrr....

Brrr.....

hehh... control hidung

ehem aku pun



Eeek..eleh... brother dua orang nie .... ntah apa? bikin tu, marilah kita gelak lawak yang tak lawak. Ha! Ha! Ha!

■ ENGLISH FEST '99 ■

The English Fest '99 was the second time such an event had been held in this school. Like the English Fest '98, its aim was to help our students learn English in a more relaxed, fun way. Jointly organized by the English Language Society and the English Language Panel, this programme, originally the brain-child of our English Language Head, Pn. Janet, was held on the 8th of May 1999.

Starting at 8 a.m, the Fest this year saw a marked increase of participants from the previous year. 96 students were divided into six teams,which were given the names of famous soccer clubs, namely, Arsenal, Chelsea, Juventus, Inter Milan, Liverpool and Manchester United.

This year the events held were slightly different from the last. We still had the Treasure Hunt, Scrabble, Mind Messages and Win, Lose or Draw. But instead of the NIE activities and Ransom Notes, we had Word Relay and Message in a Bottle.

Besides the competitions, we also had non-competitive activities like poetry recitals, sketches and group singing. The souvenirs this year were also specially chosen for their educational value.


The winning team this year was Manchester United, but the results were really close, with just one point difference between the participating teams. At the end of the day, all the participants went home feeling happy and more knowledgeable of the language which is regarded as the international language.

Finally, we would like to thank all the teachers who had so graciously consented to give their help and support in making this programme a success. We would also like to thank all the participants for their cooperation throughout the programme.

Marc Lourdes
Secretary
(English Language Society)

ENGLISH FEST

MBSNA, (MBS NIRVANA GROUP) PERFORMING LIVE





The famous trio (from right) Liy Ker, fly boy and??? hmm (with the ball).



MBSS 99 MODELS.



Immigrants waiting for their passports, at the sametime also playing 'Roda Impian' at the background.






"Happy Birthday to me!!! And the cake is all mine at the same time".

No way Lady, that cake is all mine for the taking!!!.



Big sweep trio checking results. (they are also known as kuda boys).



LAPORAN PERSATUAN
1998-1999

LAPORAN LEMBAGA PENGAWAS



Ketua Pengawas:
Haresh Singh

Pen. Ketua Pengawas:
Yen Chia Hui

Setiausaha:
Khor Eng Siang

Bendahari:
Siew Aik Weng

Ketua Disiplin:
Mior Mohd. Shalirizam

Patrol Leader:
A. Nicholas
Mohd. Harizam
Khoo Kuan Yew

Pada tahun 1998/1999, AJK dan ahli-ahli Lembaga Pengawas telah berganding bahu memperbaiki tahap displin di kalangan pelajar. Oleh itu, pengorbanan pengawas-pengawas dari segi masa dan tenaga seharusnya dipuji. Pengawas-pengawas yang berdisplin dan selama ini mengikut peraturan sekolah patut dijadikan teladan oleh pelajar. Sepanjang tahun ini kami telah menjalankan aktiviti-aktiviti seperti berikut:

Tarikh		**Aktiviti**
Mac 99	-	Lembaga kami telah membantu pihak sekolah untuk menjayakan hari sukan.
	-	Kursus kepimpinan untuk pengawas kecuali pengawas tingkatan 5.
Jun 99	-	Lembaga pengawas telah membantu guru-guru untuk menjayakan Hari Guru.
	-	"Majlis Temu Mesra" telah diadakan. Ia bertujuan mengeratkan lagi hubungan di kalangan pengawas.
Julai 99	-	Perlantikan AJK 1999/2000.

Khor Eng Siang
Setiausaha

LEMBAGA PENGAWAS PUSAT SUMBER



Guru Penasihat:
Cik Norhaida
Ketua:
Woon Wean Kean (5S1)
Pen. Ketua (I):
Vimal Jeganathan (5S2)
Pen. Ketua (II):
Beh Jiun Hau (5S1)
Setiausaha:
M.S. Prem (5S2)
Bendahari:
Chan Chee Yen (5S1)
Ketua Displin:
Yew Kwan Han (5S2)
Pegawai Sosial:
Liew Khai Mun (5S2)
Pegawai Publisiti:
Nithianathan (5B1)
AJK Pengkatalogan:
Melvin Rudd (5S2)
Manjit Sing (5S2)
AJK Peminjaman:
Mohd Ibrahim (5S2)
AJK Majalah:
Tai Seng Fatt (5B1)
AJK APD:
Chai Yew Hin (5S1)

Salam sejahtera dan terima kasih diucapkan kepada para pembaca dan Sidang Redaksi Sentinel kerana sudi meluangkan masa untuk membaca dan mendedahkan rancangan tahunan kami. Selaku Lembaga Pengawas Pusat Sumber terakhir untuk millenium ini, AJK Lembaga Pengawas Pusat Sumber mengambil pelbagai langkah untuk meningkatkan mutu pendidikan M.B.S.S. Cik Norhaida guru penasihat baru, telah membawa banyak perubahan dalam pentadbiran Pusat Sumber. Dengan bangga, saya mengumumkan aktiviti tahunan sesi 98/99:-


1998:	Julai	i)	Mesyuarat AJK ke-1.
		ii)	Mengemaskinikan Organisasi Pusat Sumber.
	September	i)	Sukan Mesra'99 sempena Sukom'99.
		ii)	Bulan PMR & SPM.
	November	i)	Menyemak stok.
		ii)	Mengemaskini sistem katalog.
	Disember	i)	Gotong-royong 1999.
1999:	Januari	i)	Mesyuarat Agong.
		ii)	Perhiasan Hari Raya.
		iii)	Pengambilan ahli baru.
	Februari	i)	Perhiasan Tahun Baru Cina.
		ii)	Bengkel.
	Mac	i)	Pertandingan Membaca.
		ii)	Pemilihan AJK Majlis'99.
	April	i)	Gotong-royong
		ii)	Tayangan video dokumentari.
	Mei	i)	Kursus bimbingan Pengawas Pusat Sumber.
		ii)	Ujian Pengawas Pusat Sumber.

Semua aktiviti di atas berjalan dengan begitu lancar dan membanggakan Lembaga Pengawas Pusat Sumber. AJK'99 telah menyambung tradisi lembaga dengan sedikit perubahan/pembaharuan dan diharapkan, generasi akan datang, akan meneruskan perjuangan dan prinsip ke arah alaf baru.

Sekian, terima kasih.

M.S. Prem
Setiausaha

UNIT BIMBINGAN SEKOLAH



Guru Penasihat:
Pn. Ruzita
Pn. Amarjit
Pn. Kamatchi
Pn. Nor Ashikin
Cik Norhaida
Pengerusi:
Yen Chia Huei
Naib Pengerusi:
Mohd. Zaid
Setiausaha:
Chan Shee Yan
Naib Setiausaha:
Tan Eng Kee
Bendahari:
M.S. Prem Nath
Naib Bendahari:
Wong Kim Kit
Ketua Displin:
Hari Chandran
Ketua Biro:
Hal Ehwal P.R.S.
Dzulhelmi
Ker Fei Loong
Publisiti:
J.S. Nithianathan
Abdul Rahim
Ceramah dan Lawatan:
Marcus
Palaniappan
Bilik Resos:
Afzainizam
Hairizam
Ridhuan

Unit Bimbingan Sekolah atau dikenali sebagai U.B.S. merupakan satu unit yang ditubuhkan untuk membantu dan membimbing pelajar-pelajar yang mengalami kesukaran dalam bidang akademik mahupun dalam hal kekeluargaan. Unit ini mendapat sambutan hangat daripada pelajar-pelajar.

Tujuan penubuhan unit ini adalah untuk menyelesaikan masalah-masalah pelajar agar mereka dapat menumpukan perhatian dalam pelajaran. Selain itu, unit ini juga sering mengadakan pameran tentang pilihan universiti dan kolej serta jurusan pelajaran.

Senarai aktiviti bagi tahun 1998/1999:-


1. Pertandingan Kreativiti dan Kebudayaan.
2. Orientasi Tingkatan 1 dan Peralihan.
3. Motivasi Tingkatan 3 dan 5.
4. Hari Keluarga U.B.S.
5. Menjual buku-buku teks dan buku rujukan lama.
6. Sukantara U.B.S. Zon Sentul.

Akhir kata, saya mewakili Unit Bimbingan Sekolah ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua guru penasihat terutamanya Pn. Ruzita Othman yang telah banyak memberi tunjuk ajar serta bimbingan. Tidak lupa juga kepada ahli-ahli U.B.S. yang telah menjayakan program-program U.B.S. Pendek kata, saya berharap U.B.S. dapat terus maju dan berkembang di sekolah ini.

Sekian, terima kasih.

Chan Chee Yan
Setiausaha

LEMBAGA KUARTER MASTER



Guru Penasihat:
En. Lim Tong Eng

Pengerusi:
Jayaseelan

Naib Pengerusi:
Mohd Shahjehan

Setiausaha:
TamilMaran

Naib Setiausaha:
JeganMohan

Bendahari:
Sulaiman

Naib Bendahari:
N.K. Prabu

Ketua Displin:
Khairul Helmie

Ketua Perabot:
Vithyabalan

Ketua AJK Ting 5:
Thiagarajan
Ketua AJK Ting 4:
Dyalan
Ketua AJK Ting 3:
Suresh

Salam sejahtera daripada Lembaga Kuarter Master. Terlebih dahulu saya bagi pihak lembaga ini ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pihak Penerbit Sentinel tahun 1998/1999 kerana memberi peluang untuk melaporkan aktiviti tahunan Lembaga Kuarter Master 1998/1999.

AJK baru telah dilantik dan kami telah mengambil alih tanggungjawab menguruskan harta benda sekolah setelah AJK lama meletak jawatan.

Selepas perlantikan tersebut, kami telah mengadakan banyak aktiviti. Di antaranya ialah:-


1. Melantik ahli-ahli baru.
2. Melabelkan dan membaiki kerusi meja yang rosak.
3. Membantu guru-guru menjayakan sukan tahunan sekolah di Stadium Cheras dan merentas desa di sekolah.
4. Bergotong-royong membersihkan kawasan sekolah.
5. Perjumpaan biasa diadakan setiap hari Isnin. Pada hari-hari tersebut juga, kami biasa mengadakan mesyuarat walaupun tiada masalah yang timbul. Kami berbuat demikian agar pergaulan dan persahabatan di antara ahli-ahli kami akan menjadi lebih erat.

Akhir kata, saya bagi pihak Lembaga Kuarter Master ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada guru-guru penasihat kami iaitu En. Lim, En. Rahmat dan En. Veloo serta AJK yang bertungkus-lumus menjayakan tugasan mereka masing-masing. Saya berharap lebih ramai pelajar akan menyertai lembaga ini dan meningkatkan mutu dan prestasi pada tahun 2000 yang akan datang.

Sekian, Terima Kasih.

TamilMaran
Setiausaha

SPBT



Guru Penasihat:
Puan Serina
Puan Noor Aniza
Puan Choo Lik Pin

Pengerusi:
Hari Chandran

Naib Pengerusi:
Ganesan

Setiausaha:
Chia Tong Ling

Naib Setiausaha:
Lee Chee Hoo

Bendahari:
Srithiba Nathan

Naib Bendahari:
Goh Ka Eng

AJK:
Palaniappan
Lee Chin Gei

Persatuan SPBT ditubuhkan bertujuan menyelaraskan kemudahan-kemudahan skim pinjaman kepada pelajar sekolah MBS Sentul. Antara tugas yang telah dilaksanakan termasuklah:-

1. Berikan buku SPBT kepada pelajar-pelajar yang layak.
2. Menjalankan pemeriksaan ke atas buku-buku teks yang dipinjamkan.
3. Membersihkan dan mengemas stor serta melabel rak-rak buku mengikut tajuk buku.
4. Membaik pulih buku SPBT.

Saya mengucap terima kasih kepada guru penasihat iaitu Puan Serina yang banyak memberi dorongan dan tunjuk ajar kepada kami. Untuk menjaga buku-buku teks dalam keadaan yang baik. Akhir kata semoga persatuan SPBT ini berjalan dengan lancar pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

Chia Tong Ling
Setiausaha

MUSIC, THEATRE AND CULTURAL CLUB



Guru Penasihat:
Pn. Serina Jaafar
En. Mohd Saleh Din
En. Mohd Fadly Nordin

Pengerusi:
Nithianathan (5B1)

Naib Pengerusi:
Musaab (3M1)

Setiausaha:
Mohd Ridhuan (5S2)

Naib Setiausaha:
Khairul Anuar (4S1)

Bendahari:
Hairizam (5S1)

Ketua Displin:
Mohd Fairus (5S2)

Ketua Biro Keceriaan dan Lawatan:
Afzainizam (5B1)

Ketua Biro Seni Tari:
Mohd Fairuz (5S1)

Ketua Biro Dikir Barat:
Mohd Zaid (5M1)

Ketua Biro Seni Silat:
Aifi Rusydi (5S1)

Salam mesra dan Selamat Sejahtera dari Music, Theatre and Cultural Club (MUTEC). Sepanjang tahun 1999, Kelab ini dengan jayanya telah menampakkan kejayaan yang cemerlang dalam memupuk budaya dan menyampaikan mesej budaya tempatan kepada pelajar-pelajar.

Kelab ini telah bergiat aktif dan melaksanakan programnya dengan licin. Antaranya ialah:-

Januari 99 - Perlantikkan AJK baru.
- Pengambilan ahli-ahli baru bagi sesi petang.

Februari 99 - Mengemaskini taman.

Mac 99 - Memperkenalkan dan merasmikan nama baru Kelab.
- Membuat persembahan dikir barat pada Hari Sukan.

April 99 - Mengemaskan papan kenyataan.
- Menganjurkan orientasi ahli sesi petang.

Mei 99 - Membuat persembahan pada Hari Guru.
- Mengadakan lawatan pada cuti sekolah.

Jun 99 - Mengadakan lawatan ke Panggung Negara.
- Menyertai Perlawanan Dikir Barat peringkat sekolah.

Julai 99 - Membuat persembahan pada Hari Ucapan.

Ogos 99 - Mengadakan 'Teachers Award'.

Akhir kata, sambutlah salam mesra dari kami.
Bak kata pepatah Melayu
"BIAR MATI ANAK JANGAN MATI ADAT"

Mohd Ridhuan
Setiausaha

INTERACT CLUB



Teacher Advisor:
En Rahmat
Pn. Nurbaini
President:
Yu Chung Leong
Vice President:
Kueh Choon Leng
Secretary:
Haresh Singh
Corresponding Secretary:
Wong Kim Kit
Treasurer:
Yen Chia Huei
Funding Director:
Siew Aik Weng
Club Director:
Chan Chee Yan
Comm. Service Director:
Yen Chia Huei
I.V. Director:
Lim Cal Vinn
Asst. I.V. Director:
Lim Joon Kiat
Art & Bulletin Director:
Ong Chen Hong

The Interact Club was formed to give the young generation a chance to communicate with each other and to work together in a world of friendship based on international understanding.

The Club, together with the Rotarians, teacher advisors and the Board of Directors, has worked to accomplish the following projects:-


(a) Cleaning of the Interact Pond.
(b) Attending I.C.C Meetings.
(c) Hosting the 3rd I.C.C Meeting.
(d) Re-designing the bulletin board.
(e) Selling Internet Club collar badges and T-shirts to members.
(f) Carrying out several car wash projects.
(g) Giving out free classes at the Pusat Bantuan Sentul tuition centre.
(h) Holding the Annual International Understanding Day Cum Installation Day.
(i) Attending a meeting with the Rotarians at Federal Hotel.
(j) Holding an old newspaper collection project.

Lastly, the club would like to thank all Rotarians, teacher advisors and fellow interactors for their guidance, advice and full support throughout the year. We hope that in the near future, the Interact Club of S.M.K (L) Methodist Sentul will help a whole lot more people to achieve their goals.

"SERVICE ABOVE SELF'

Haresh Singh
Secretary

KELAB PENCINTA ALAM DAN KECERAIAN



Guru Penasihat:
Pn. Suzaini Abd. Majid
Pn. Nurul Aishah Abd. Latif

Pengerusi:
Bustman

Naib Pengerusi:
Julhairi

Setiausaha:
Vimal

Penolong Setiausaha:
Kamarol

Bendahari:
Manjit Singh

Penolong Bendahari:
Kairul Helmi

AJK:
Melvin Rudd
Saiful
Mohd Sharidan
Mohd Naszri
Malik

Terlebih dahulu, kami ingin menyatakan rasa angkur kepada Tuhan kerana aktiviti pada tahun ini dapat dijalankan dengan jayanya. Objektif Kelab ini adalah untuk memupuk semangat cintakan alam semulajadi agar dapat menampilkan satu imej yang ceria dan prihatian terhadap kebersihan sekolah.

Berikut adalan aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanankan pada tahun 1999:

1. Perlantikan Ahli Jawatankuasa 1999.
2. Pengambilan ahli-ahli baru.
3. Menghias Sudut Pencinta Alam.
4. Projek Rumah Hijau.
5. Menjalankan Projek Taman Mini.
6. Penanaman Secara Hidroponik.
7. Projek Eksplorasi Alam.
8. Aktiviti ke Hutan Simpan.
9. Perkhemahan di Gunung Nuang, Sg. Congkak.
10. Projek Sekolah Dalam Taman.
11. Mesyuarat Pemilihan AJK, baru tahun 2000.

Di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada barisan AJK kerana objektif persatuan yang selama ini dicita-citakan telah tercapai. Akhir kata, jutaan terima kasih kami ucapkan kepada Pn. Suzaini dan Pn. Nurul yang bersama-sama berjuang untuk merealisasikan objektif Kelan ini. Tidak lupa juga, En. A. Athuputharaja dan guru-gurn atas sokongan dan kerjasama yang diberikan dalam menjayakan aktiviti.

"CINTALAH FLORA DAN FAUNA"

Vimal
Setiausaha

PERSATUAN BULAN SABIT MERAH



Guru Penasihat:
Cik Hasrima Roslani
Pn. Fatimah
Pn. Noraini Abd. Hamid
Pn. Hasyimah

Pengerusi:
Alfi Rusydi

Naib Pengerusi:
Bustaman

Setiausaha:
M. Nur Khairil Ehsan

Naib Setiausaha:
S. Manimannan

Bendahari:
Khairul Zaim

Naib Bendahari:
Mohd. Syairazi

AJK:
M. Prem Nath
Wee Chin Hui
Mohd. Faizal
Abdul Salim

Matlamat utama penubuhan Persatuan Bulan Sabit Merah ini adalah untuk melahirkan pelajar yang sihat dari segi fizikal, mental, berpotensi, berkemahiran untuk menolong diri dan orang lain dalam aspek keselamatan dengan lebih berkesan. Tujuan penubuhan ini pula adalah untuk mewujudkan masyarakat yang cintakan displin disamping menyemai semangat tolong-menolong antara satu sama lain tanpa mengira kaum dan agama. Antara aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan sepanjang tahun ini ialah:-


1. Pendaftaran ahli-ahli baru.
2. Perlantikan ahli jawatankuasa baru.
3. Kursus kawad kaki dan komandan.
4. Bertugas pada Hari Guru dan Sukaneka.
5. Bertugas pada Hari Sukan Tahunan di Stadium Cheras.
6. Menjalankan tugas semasa dan Hari Menentas Desa Sekolah.
7. Menjalankan ujian kenaikan pangkat di Tasik Titiwangsa.
8. Mengadakan perkhemahan di Templer Park dan Sungai Pisang bagi melatih ahli-ahli baru.
9. Menghadiri malam kebudayaan Pengakap MBSS.

Di sini kami ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pn. Fatimah dan guru-gurn yang memberi dorongan kepada kami.

"CERGAS SEMASA AMAN DAN BAHAYA"

M. Nur Khairil Ehsan
Setiausaha

PERSATUAN SAINS KEMASYARAKATAN



Guru Penasihat:
Puan Noor Aniza Bte Mohd Noor

Pengerusi:
Mohd Fadzli B. Sulaiman

Naib Pengerusi:
Vimal Jeganathan a/l Verasamy

Setiausaha:
Mohd Sufian B. Zainudin

Penolong Setiausaha:
Manjit Singh a/l Hardit Singh

Bendahari:
Alan Afifi B. Shamsudin

Penolong Bendahari:
Mohd Hamizah B. Azhar

AJK:
Wakil Ting. 5
Khairol Helmie
Bostaman
Salwan Shah

Wakil Ting. 4
Mohd Fairus

Wakil Ting. 3
Mohd Hafiz

Asalamualaikom w.w.b dan salam sejahtera kepada semua para pembaca. Bersyukur kita kepada hadrat Ilahi, kerana diberi peluang oleh penerbit majalah untuk mendedahkan segala aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 1999. Untuk panduan bersama, pada tahun ini persatuan sejarah telah ditukar kepada Sains Kemasyarakatan dibawah pucuk pimpinan guru penasihat, Puan Noor Aniza. Objektif persatuan ini ditubuhkan untuk meningkatkan taraf perkembangan dalam kefahaman persejarahan dunia. Alhamdulilah, segala aktiviti dan perancangan persatuan ini telah dijalankan dengan sempurnanya di atas pengelolaan pihak sekolah, guru penasihat, serta ahli jawatankuasa dan ahli-ahli persatuan ini. Di antara program-program yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:-

1. Perlantikan Ahli Jawatankuasa 1999.
2. Mesyuarat Agong Tahunan.
3. Pengambilan Ahli-ahli Baru.
4. Mengemaskinikan organisasi serta papan kenyataan.
5. Mengadakan minggu kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif.
6. Pertandingan mengdeklemasikan sajak.
7. Minggu potriotisme.
8. Mengadakan kelas bimbingan.
9. Mengumpul maklamat persejarahkan kemerdekaan.
10. Lawatan sambil belajar ke Bangunan Umno dan Memorial Tunku Abdul Rahman.
11. Lawatan ke Melaka.

Akhir kata saya akhiri dengan mewakili persatuan ini dengan jutaan ribuan terima kasih kepada guru penasihat yang bekerja keras untuk menjayakan persatuan ini. Tidak lupa kepada ahli-ahli persatuan ini yang telah berkerjasama untuk menjayakan persatuan ini. Akhir sekali saya berharap agar persatuan ini terus maju dan terus berkembang buat selama-lamanya.

Sekian Terima Kasih.

"SEJARAH PEWARIS AGAMA DAN BANGSA"

Sufian Zainudin
Setiausaha

PERSATUAN SAINS DAN MATEMATIK



Guru Penasihat:
Pn. Zarrin Abdullah

Pengerusi:
Haresh Singh

Naib Pengerusi:
Mohd Ibrahim bin

Setiausaha:
Manjit Singh

Naib Setiausaha:
Marcus Mathan Kumar

Bendahari:
M.S. Prem Nath

Naib Bendahari:
Bustaman bin

Salam sejahtera daripada Persatuan Sains dan Matematik. Tujuan persatuan ini ditubuhkan adalah untuk menyahut saranan kerajaan dalam melahirkan pelajar-pelajar yang berinformasikan sains dan teknologi. Sehubungan itu persatuan ini telah mengatur aktiviti yang dapat memberi manfaat kepada para pelajar.

Berikut ialah aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan:-

1. Mesyuarat Agong Tahunan.
2. Menampal poster Sains di "Papan Kenyataan".
3. Mengumpul Keratan Akhbar berasaskan Sains.
4. Pertandingan menulis fakta Sains di kalangan ahli.
5. Penayangan Video.
6. Kuiz Sains.
7. Lawatan ke Ostrich Farm.
8. Pertandingan Melukis logo Kelab Sains.
9. Ceramah SPM.
10. Projek Khas - mencantikkan sekolah.


Akhir kata saya bagi pihak persatuan ini ingin mengucapkan jutaan termina jutaan terima kasih diucapkan kepada guru penasihat dan guru-guru kerana memberi sokongan dan tunjuk ajar kepada kami semua. Saya berharap agar persatuan ini akan menjadi pemangkin dalam merealisasikan wawasan negara. Cintailah sains bagi kepentingan anda, bangsa, agama dan negara. Terina Kasih.

Sekian Terima Kasih.

"BERINFORMASIKAN ILMU ILMIAH KE ALAF BARU:"

Manjit Singh
Setiausaha

KELAB USAHAWAN MUDA



Guru Penasihat:
Sesi Pagi:
Pn. Rohana Mohd Said
Pn. Wan Nooraini

Sesi Petang:
Pn. Sarina Bakri

Pengerusi:
Mohd Fairas Yusuf (5S2)

Setiausaha:
Chan Chee Keong (5B2)

Naib Setiausaha:
M. Zul Afrizainizam (4M1)

Bendahari:
Mohd Fadzli Sulaiman (5B2)

AJK:
Ibrahim (5S2)
Nor Suriadi (5S2)
Meor Mohd Shahizan (5B2)
Chan Chee Chean (4S2)

Kelab Usahawan Muda ialah sebuah kelab yang baru ditubuhkan di sekolah ini dengan sumbangan modal daripada Pihak ESSO CO. Kelab ini terdiri daripada 2 orang guru penasihat daripada sesi pagi dan seorang guru penasihat dari sesi petang. Terdapat sebanyak 28 orang ahli daripada sesi pagi dan 20 orang daripada sesi petang.

"MBS BUSINESS MASTERS" merupakan syarikat yang ditubuhkan dibawah naungan ini dengan cogan kata "MAKE BUSINESS SUCCESSFUL". Berikut merupakan aktiviti tahunan yang telah dirancang bagi tahun ini.

1. Jualan runcit dalam bilik guru.
2. Jualan Hari Sabtu.
3. Jualan Hari Sukan, Hari Guru, Hari Anugerah.
4. Pertandingan Kuiz.
5. Lawatan ke Pusat Sains Negara dan Planetarium Negara.
6. Pertandingan reka cipta.
7. Mengadakan perkhidmatan pengangkutan dan pelancongan.
8. Jamuan perpisahan.

Setakat ini, jualan runcit di bilik guru dan jualan hari Sabtu mashi diteruskan. Jualan Hari Sukan pula telah dilaksanakan dengan jayanya.

Kelab Usahawan Muda ialah sebuah kelab yang bergerak aktif dan cergas selaras dengan prinsipnya yang ingin mendidik para pelajar tentang selok-belok perniagaan. Justeru itu, objektif utama kelab ini adalah untuk melahirkan bakal ahli usahawan yang juga akan menjadi aset kepada negara bagi mencapai wawasan 2020.

Akhir kata, saya dan AJK yang lain merakamkan ribuan terima kasih kepada Pn Rohana, Pn Wan Nooraini dan Pn Sarina selaku guru penasihat dan semua pihak yang terlibat bagi menjayakan kelab ini.

Sekian, terima kasih.

"MBS BUSINESS MASTERS, MAKE BUSSINESS SUCCESSFUL"

Chan Chee Keong
Setiausaha

PERSATUAN PERDAGANGAN DAN PENGGUNA



Guru Penasihat:
Puan Jamaliah Bte Hj Yahya Zikri

Pengerusi:
Chan Chee Keong

Naib Pengerusi:
Mior Mohd Shahizan B. Ismail

Setiausaha:
Mohd Sufian B. Zainudin

Penolong Setiausaha:
Mohd Fadzli B. Sulaiman

Bendahari:
Alan Afifi B. Shamsudin

Penolong Bendahari:
Salwan Shah B. Abd Wahab

AJK:
Mohd Fazli
Mohd Zaid
Herwan
Firdaus

Asalamualaikom w.w.b dan salam sejahtera. Bersyukur kita kepada Ilahi di segala nikmatnya bersua kembali dalam majalah ini. Ucapan terima kasih di tuju khas kepada penerbit majalah sekolah kerana sudi memberi peluang kepada kami untuk mendedahkan aktiviti-aktiviti yang dijalankan sepanjang tahun 1999.

Untuk maklumam bersama, penubuhan kelab ini bertujuan mengajar para pelajar aset utama dalam sekitar perniagaan serta hak asasi sebagai invidu. Secara Amnya, ia dapat mengajar seseorang itu dalam memahirkan diri dalam menjalankan perniagaan. Dengan ini ketenoman dalam sekitar ini dapat ditingkatkan sekiranya perkembangan sekitar perniagaan digiatkan. Berikut adalan aktiviti-aktiviti yang dijalankan sepanjang tahun 1999:-


1. Mesyuarat Penubuhan
2. Perlantikan Ahli Jawatankuasa 1999.
3. Mesyuarat Agong.
4. Mengbias papan kenyataan.
5. Mengadakan pertandingan melukis poster Barangan Malaysia.
6. Kempen inflasi sifar.
7. Pesta menabung Riang Ria 1 sen.
8. Mengadakan kelas Bimbingan.
9. Menyediakan nota, serta teknik-teknik menjawab soalan SPM.
10. Lawatan ke kilang Proton dan Bank Negara.
11. Lawatan ke kilang mencetak wang.
12. Lawatan ke komoditi K.L.

Akhir kata saya berharap persatuan ini akan terus kekal. Tidak lupa jutaan terima kasih diucapkan kepada guru penasihat Puan Jamaliah yang sanggup berkorban untuk menjayakan persatuan. Kepada ahli Jawatankuasa, serta ahli-ahli persatuan ini yang telah berkerjasama dalam menjayakan aktiviti-aktiviti sepanjang tahun 1999.

Sekian Terima Kasih.

Sufian Zainudin
Setiausaha

KELAB KREATIVITI



Guru Penasihat:
Pn. Rahmah Othman
Cik Athiah Baharudin

Pengerusi:
Afzainizam B. Mahmad

Naib Pengerusi:
Khairul Anwar

Setiausaha:
Nithianathan

Naib Setiausaha:
Zahairin Zakaria

Bendahari:
Mohd. Hairizam

Naib Bendahari:
Mohd Fairuz

AJK:
Ting 5 : Hareth Singh
Ting 4 : Wong
Ting 3 : Mohd Aizuddin
Ting 2 : Shaypul Anwar

Salam Sejahtera dan salam manis dari Kelab Kreativiti. Terima kasih kepada sidang redaksi kerana memberi peluang kepada kami untuk mendedahkan segala aktiviti kami sepanjang tahun ini. Antaranya :-

Januari	:	- Melantik AJK baru.
		- Membersih bilik seni.
Februari	:	- Mengecat kabinet (bilik seni).
		- Menyusun dan menghias bilik seni.
Mac	:	- Menyiapkan tanda ukur.
April	:	- Membuat mural.
Mei	:	- Membuat tanda buku.
Jun	:	- Lawatan ke KLCC, Musium Tekstil dan Balai Seni.
Julai	:	- Projek Khas.
Ogos	:	- Pameran.
		- Ceramah.
September	:	- Kelas Peningkatan (SPM).
Oktober	:	- Lawatan ke Galeri Seni KLCC.


Akhir kata saya bagi pihak Kelab Kreativiti ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak sekolah yang sentiasa meluluskan segala projek kami. Tidak lupa juga terima kasih kami ditujukan kepada Pn. Rahmah Othman dan Cik Athiah di atas sokongan dan dorongan. Tidak ketinggalan terima kasih kami kepada ahli-ahli dan AJK Kelab Kreativiti di atas segala kerjasama anda. Semoga Semangat ini berterusan.

Sekian, Terima Kasih.

"KREATIVITI PEMANGKIN KECERIAAN SEKOLAH"

Nithianathan
Setiausaha

LAPORAN PERSATUAN BAHASA CINA



Guru Penasihat:
Pn. Ong Tarn Choon
Pn. Ng Aik Huey

Pengerusi:
Hog Chun Mun
Naib Pengerusi:
Wong Hock Teong

Setiausaha:
Yong Kai Mun
Naib Setiausaha:
Chia Tong Ling

Gerak Kerja:
Goh Kok Thong
Naib Gerak Kerja:
Looi Tuck Won

Bendahari:
Tan Chee Weng

Pegawai Publisiti:
Ng Wee Kian
Naib Pegawai Publisiti:
Wong Keen Wai

AJK Lain:
Seng Son Hoong
Lim Yuen Seng
Lim Tji Meng
Foo Sheong Kong
Lee Chee Hoo
Chan Chee Cheun

Ahli Jawatankuasa yang ke-16 terus mengamalkan prinsip-prinsip persatuan iaitu mengembangkan kebudayaan Tiong Hwa dengan menggerakkan aktiviti-aktiviti persatuan. Berikut ialah senarai aktiviti yang dijalankan dan dirancangkan pada tahun ini:-


1. Mengubahsuai logo persatuan.
2. Mengeluarkan T-shirt persatuan.
3. Menganjurkan Pertandingan Tulisan Kaligrafi Cina di antara sekolah-sekolah Wilayah Persekutuan dan Selangor ke-11.
4. Mengadakan Pertandingan Kuiz Tahun Baru Cina di antara ahli-ahli.
5. Mengadakan Pertandingan Catur Cina di antara ahli-ahli.
6. Mengadakan Pertandingan Kuiz Pengetahuan Am di antara ahli-ahli.
7. Mengadakan rombongan pelancongan ke tempat peranginan sesama ahli-ahli.
8. Menerbitkan Majallah Persatuan 'Heng Yuen' yang ke-7.
9. Bergotong-royong untuk membersihkan bilik baca persatuan.

Saya selaku Setiausaha Persatuan Bahasa Cina dengan ikhlasnya ingin mengucapkan terima kasih kepada guru penasihat, ahli-ahli jawatankuasa, ahli-ahli persatuan dan pihak sekolah atas dorongan dan bantuan terhadap Persatuan Bahasa Cina. Akhir sekali, semoga semangat kerjasama dan inisiatif dapat diamalkan selalu.

Sekian, terima kasih.

Yong Kai Mun
Setiausaha

PERSATUAN AGAMA BUDDHA



Guru Penasihat:
Pn. Yee Kok Seong
En. Choo Chee Seng

Pengerusi:
Woon Weng Kean (5S1)

Naib Pengerusi:
Hoh Kian Youn (3M1)

Setiausaha:
Yen Chia Huei (5S2)

Naib Setiausaha:
Low Eng Hwa (3M1)

Bendahari:
Beh Jiun Hau (5S1)

Naib Bendahari:
Ooi See Keong (3B3)

Wakil Tingkatan:
Wong Mun Tak (3M1)
Cheah Kah Cheng (1S1)

Persatuan ini ditubuhkan untuk memperkenalkan dan memperkembangkan ajaran Buddha. Selain daripada itu, persatuan ini juga mengajar nilai-nilai murni yang patut diamalkan dan juga membentuk masyarakat yang berhemah tinggi serta bermoral.

Mesyuarat Agong Tahunan persatuan ini jatuh pada 26 Februari 1999. Dalam mesyuarat tersebut, ahli jawatankuasa baru dilantik. Kemudian ahli-ahli baru memperkenalkan diri masing-masing. Mereka terdiri daripada pelajar tingkatan 1 hingga tingkatan 5. Perjumpaan diadakan dua minggu sekali pada hari Jumaat bermula dari 12.45 tengahari hingga 2.00 petang. Persatuan ini terdiri daripada 20 orang ahli.

Senarai aktiviti yang dirancang dan dijalankan sepanjang tahun 1999:-

1. Mesyuarat AJK
2. Mesyuarat Agung Tahunan
3. Dhamma Talk
4. Meditation
5. Chanting
6. Tayangan Video
7. Lawatan ke Sri Jayanthi Temple
8. Lawatan ke Rumah Anak Yatim
9. Kuiz
10. Jamuan Perpisahan

Selaku Naib Setiausaha Persatuan Agama Buddha, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada guru penasihat kami, Puan Yee Kok Seong dan Encik Choo Chee Seng atas segala nasihat dan tunjuk ajar yang diberikan kepada kami sepanjang aktiviti-aktiviti ini dijalankan. Tidak lupa kepada ahli-ahli yang turut bekerjasama untuk menjayakan persatuan ini.

Akhir kata, saya berharap semoga persatuan ini akan bergerak lebih aktif lagi dan terus berkembang maju pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

Low Eng Hwa
Naib Setiausaha

PERSATUAN BAHASA TAMIL



Pengerusi:
M.S. Prem (5S2)

Naib Pengerusi:
Nicholas (5S1)

Setiausaha:
Shaikh Abdullah (5S2)

Naib Setiausaha:
Jegathesan (4S2)

Bendahari:
Vimal Jeganathan (5S2)

Ketua Publisiti:
Nithianathan (5B1)

Ketua Bhgn. Persembahan:
Yogendran (4S2)

Ketua Bhgn. Kawatan dan Ceramah:
Suganthiran (4S3)

Salam Sejahtera. Tujuan persatuan ini ditubuhkan adalah untuk mengembangkan bahasa Tamil serta mengeratkan lagi hubungan di antara ahli-ahli. Selain iti persatuan ini juga boleh membina satu masyarakat yang bermoral dan berwawasan.

Sessi 1999:-

Januari 99	:	i)	Mesyuarat Pertama.
		ii)	Pengambilan Ahli Baru.
Mac 99	:	i)	Pertandingan 'Antha-Chari'.
April 99	:	i)	'Patti Mandram' sempena Tahun Baru Tamil.
Mei 99	:	i)	Persidangan persatuan bahasa Tamil K.L.
Jun 99	:	i)	Rawatan kebajikan.
		ii)	Pertandingan bola sepak.


Akhir kata, saya bagi pihak persatuan ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada guru penasihat atas segala bimbangan dan tunjuk ajar. Tidak lupa juga kepada ahli-ahli persatuan yang telah memberi sokongan dan kerjasama dalam menjayakan aktiviti-aktiviti persatuan ini. Segala kerjasama sangat dihargai. Harapan semoga persatuan kami akan terus maju dan berkembang dengan sokongan daripada ahli-ahli.

Sekian, terima kasih.

"KE ARAH MENUJU ALAF BARU"

Setiausaha

SIKH SOCIETY



Teacher Advisor:
Pn. Amarjit Kaur

President:
Taranjiv Singh

Vice President:
Kiranjit Singh

Secretary:
Haresh Singh

Vice Secretary:
Bhupinder Singh

Treasurer:
Manjit Singh

Assistant Treasurer:
Satish

Committee Members:
Randeep Singh
Devandran
Jaginder Singh

This society was formed to unite all the Sikh students from the morning and afternoon sessions of our school. Our society has carried out several activities such as:-

(a) Decorating the notice board.
(b) Helping out during the Vasakhi preparations.
(c) Conducting Meetings.
(d) Holding PMR and SPM prayers.

Finally, the society would like to thank the teacher advisor, Pn Amarjit Kaur, for her guidance and advice. Above all, the board would like to thank all members for their enthusiasm in participating in all the above mentioned activities.

"WAHEGURU JI KA KHALSA
WAHEGURU JI KI FATEH"

Haresh Singh
Secretary

CHRISTIAN FELLOWSHIP



Teacher Advisor:
Pn. Janet Ratnam

Chairman:
Marcus M. Kumar

Vice Chairman:
S. Navin

Secretary:
Marc Lourdes

Vice Secretary:
S. Shankar

Treasurer:
A. Nicholas

Vice Treasurer:
Raymond Soo

Representatives:
Form 5 : Arthur Tang
Form 4 : Maheswaran
Form 2 : Patrick P. Kumar
Form 1 : Alex Matthew

The aim of this 23 members Fellowship is to spread the good news within, and outside the Fellowship. Under the guidance of Pn. Janet Ratnam, we have managed to have many interesting and informational activities throughout the year. Among the activities are Bible Quizzes, Video Shows, Prayer Meetings, Talks and speeches.

We also organized a small-scale Easter Celebration this year. We wish to thank Miss Chu Moi of the Grace Methodist Church for all her help and support throughout the year. We hope to grow more active and forceful in the years to come.

"OUT OF WEAKNESS [THEY] WERE MADE STRONG"

Marc Lourdes
Secretary

KADET REMAJA SEKOLAH (KRS)



Guru Penasihat:
Cik Noraizah
En. Mohd Fadly Nordin
Cik Che Rohgaya
Cik Marhaini

Pengerusi:
Mohd Zuwairi (5S2)

Naib Pengerusi:
Mohd Fandi (5S1)

Setiausaha:
Mohd Hisamuddin (4S2)

Naib Setiausaha:
Mohd Shairwaan (4S2)

Bendahari:
Mohd Taufik (4B)

Naib Bendahari:
Mohd Zaid (5M1)

AJK:
Zahairin (3M1)
Ahmad Farid (4S1)
Islahuddin (2M3)

Pada umumnya KRS ditubuhkan pada 20.6. 1995. Pada tahun ini iaitu 1999 ahli KRS adalah seramai 45 orang. Tujuan KRS ditubuhkan adalah untuk melahirkan pelajar yang berdisiplin, membina generasi bersemangat patriotik yang cintakan agama, bangsa dan negara. Ianya juga adalah untuk menghindarkan dari gejala sosial yang buruk. Setiap hari Sabtu pada pukul 8.30. pagi hingga 12.30 tengahari ahli-ahli KRS akan berkumpul untuk bermesyuarat serta menjalankan aktiviti KRS. Antara aktiviti-aktiviti KRS yang dijalankan sepanjang tahun ialah:-

1. Pengambilan ahli baru.
2. Pemilihan ahli jawatankuasa baru.
3. Mengadakan aktiviti kawat.
4. Latihan pertolongan cemas.
5. Kem bina semangat dan ujian kenaikan pangkat.
6. Latihan berkayak.
7. Latihan flying fox dan abseilling.
8. Latihan menembak.
9. Perkhemahan akhir tahun.

Akhir kata, saya bagi pihak Persatuan Kadet Remaja Sekolah, ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada guru penasihat kami kerana sokongan dan tunjuk ajar yang diberi bagi memajukan lagi KRS ini.

"ILMU IMAN DAN AMAL"

Sekian, terima kasih.

Mohd Hisamuddin
Setiausaha

KUMPULAN PENGAKAP KE-12 BATU



Guru Penasihat:
En. Aziqi
Pn. Norfazilah

Ketua Kumpulan:
Samsurizar

Setiausaha:
Norhisham

Bendahari:
Vijayandran

Quartermaster 1:
Mohd Azlan

Quartermaster 2:
Malik

Terlebih dahulu, kami bersyukur kehadirat Ilahi kerana limpah kurnianya kami telah berjaya menjalankan aktiviti-aktviti pada tahun ini dengan lancar dan tanpa menghadapi sebarang masalah. Berikut adalah aktiviti-aktiviti yang kami jalankan pada tahun ini:-


1. Perlantikan ahli jawatankuasa 1999.
2. Mesyuarat Agung Tahunan yang ke-62.
3. Pengambilan ahli-ahli baru.
4. Perkhemahan di sekolah.
5. Bertugas sewaktu Hari Sukan sekolah.
6. Ekspdisi berjalan kaki ke Templer Park.
7. Menghadiri majlis temuramah dan "campfire' sekolah lain.
8. Menganjurkan "Malam Kebudayaan" kali ke-62.
9. Perkhemahan akhir tahun di Sg. Congkak, Hulu Langat.

Akhir sekali saya mewakili Kumpulan Pengakap Ke-12 Batu ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang telah membantu kami secara langsung dan tidak langsung bagi menjayakan aktiviti-aktivit pada tahun ini.

"SCOUTING SPIRIT NEVER DIES"

Norhisham
Setiausaha

KELAB TENIS



Guru Penasihat:
En. Lim Tong Eng

Jurulatih:
En. Saiful

Pengerusi:
Khor Eng Siong (5S1)

Naib Pengerusi:
Khoo Kuan Yiaw (5S1)

Setiausaha:
Mohd. Fandi (5S1)

Naib Setiausaha:
S. Navin (5S1)

Bendahari:
Anhdeer (5S1)

Naib Bendahari:
S. Arrif N.D. (5S1)

AJK:
Melvin (5S2)
Farezd (4B1)
Hamiruddin (5S1)
Zuwairi (5S2)

Salam hormat dari Kelab Tenis. Tujuan penubuhan kelab ini adalah untuk melatih dan melahirkan pemain yang berkaliber sekolah ini dan memperkenalkan sukan tenis ini kepada pelajar-pelajar sekolah. Sambutan dari pelajar sekolah ini sungguh menggalakkan.

Kelab tenis in disertai oleh seramai 39 ahli termasuk ahli jawatankuasa yang menjalankan tugas dengan penuh semangat untuk membangunkan sukan tenis ini yang masih di peringkat permulaan. Dengan nasihat dan latihan intensif yang diberi oleh guru-guru terutamanya En. Saiful yang menjadi jurulatih kami, sentiasa menjadi ilmu panduan kepada para ahli. Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan sepanjang tahun:-


1. Latihan biasa setiap hari Rabu di sekolah.
2. Pertandingan perlawanan tenis antara ahli.
3. Perlawanan persahabatan.
4. Tayangan video permainan tenis 'Pete Sampras'.
5. Seorang ahli telah mewakili Kuala Lumpur dalam kejohanan antara sekolah-sekolah di Malaysia.

Dengan tulus ikhlas, saya mengundur diri dengan , *"MAJULAH SUKAN UNTUK NEGARA"*

Sekian, terima kasih.

Mohd Fandi
Setiausaha

LAPURAN TAHUNAN PERSATUAN CATUR (1999)



Guru Penasihat:
En. Lim Tong Eng

Pengerusi:
Vickneswaran (4S3)

Naib Pengerusi:
Suganthiran (4S3)

Setiausaha:
Lai Chin Har (4S3)

Naib Setiausaha:
Saravana (4S3)

Bendahari:
K. Nachiappan (4S3)

Naib Bendahari:
Sivamuralitharan (4S3)

AJK:
Shanker (4S3)
Syed Basrin (4S3)
Zulhendra (1M1)

Persatuan Catur Sekolah tahun in dianggotai oleh seramai 60 orang ahli dari sesi pagi dan sesi petang. Matlamat persatuan ini adalah untuk menarik minat pelajar terhadap permainan catur disamping melatih ahli-ahlinya menggunakan daya pemikiran mereka dengan lebih cekap, tepat dan kreatif.

Berikut adalah aktiviti yang dijalankan oleh persatuan sepanjang tahun 1999:-


1. Mengadakan mesyuarat agung tahunan pada 5 haribulan Februari.
2. Mengadakan perjumpaan setiap Jumaat.
3. Mengadakan program latihan untuk memilih wakil-wakil sekolah.
4. Pertandingan Catur MSS Zon Sentul dan MSSWP.
5. Pertandingan Catur di antara ahli-ahli persatuan.
6. Menghias papan kenyataan persatuan.

Saya mewakili semua ahli persatuan ini ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada guru penasihat kami di atas tunjuk ajar dan nasihat yang diberikan. Persatuan kami berharap agar lebih ramai pelajar menyertai persatuan ini pada tahun yang akan datang untuk membolehkan lebih ramai pencatur-pencatur yang berpotensi dilahirkan untuk mengharumkan nama sekolah dan negara.

Sekian, terima kasih.
"MAJULAH CATUR UNTUK MBS"

Vickneswaran
Setiausaha

KELAB TAEKWONDO



Guru Penasihat:
En. Saiful

Jurulatih:
Master Ben Wong Siew Pang

Pengerusi:
Yen Chia Huei (5Sc2)

Naib Pengerusi:
Sivamuralitharan (4Sc3)

Setiausaha:
Wong Mun Tak (3M1)

Naib Setiausaha:
Taufik (3M2)

Bendahari:
Ramesh (4Sc2)

Naib Bendahari:
Devan Nair (3M2)

AJK:
M.S. Pillay (4B)
Sivaroolan (4M1)
Dinesh Kumar (3M1)
Prem Ananth (2M1)

Kelab ini telah ditubuhkan pada 16 tahun yang lalu. Kelab ini boleh dikatakan antara kelab yang tertua dan aktif dalam sekolah ini. Objektif penubuhan kelab ini adalah untuk memperkenalkan seni mempertahankan diri yang unik iaitu Taekwondo di kalangan remaja di samping memupuk sikap toleransi dan disiplin di kalangan mereka.

Taekwondo membawa maksud melemahkan atau menewaskan pihak lawan dengan menggunakan kemahiran pergerakan tangan atau kaki. Ini dapat ditafsirkan daripada perkataan 'Taekwondo'. 'Tae' membawa maksud menghentam atau memusnahkan sesuatu dengan kaki. 'Kwan' bererti memukul dengan tangan atau penumbuk dan 'Do' ialah sistem atau kaedah.

Setakat ini, kelab ini mempunyai 30 orang ahli dari sesi pagi dan sesi petang. Berikut ialah aktiviti-aktiviti yang telah kita jalankan sepanjang tahun 1999.

Januari 99	-	Mengadakan kempen untuk mengalakkan pelajar supaya menyertai Kelab Taekwondo.
Februari 99	-	Pemilihan AJK baru bagi tahun 1999.
Mac 99	-	Mesyuarat Agung Tahunan.
April 99	-	Ujian Pengredan yang pertama diadakan di S.R.K Taman Seri Delima.
Mei 99	-	Mengadakan lawatan ke Genting Highlands.
Jun 99	-	Menyertai kejohanan Remaja terbuka.
Julai 99	-	Ujian Pengredan yang kedua diadakan di sekolah.
Ogos 99	-	Mengadakan perlawanan persahabatan dengan S.M.K (L) Maxwell.
Oktober 99	-	Ujian Pengredan ketiga di sekolah.

Dengan adanya tunjuk ajar Master Ben Wong iaitu jurulatih kebangsaan negara kita, kelab ini telah berjaya memupuk sikap berdisplin di kalangan ahli-ahli. Oleh itu, saya selaku setiausaha kelab ini ingin mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan ribuan terima kasih kepada Master Ben Wong dan Encik Su Too Fong iaitu guru penasihat kelab atas segala sumbangan yang diberikan olehnya kepada kelab ini. Sekian, terima kasih.

Wong Mun Tak
Setiausaha

PERTUBUHAN SILAT SENI GAYONG MALAYSIA



Jurulatih:
En. Tahir B. Saidon
(Khallfah Muda Majlis
Beradat Negeri Selangor)

Guru Penasihat:
En. Mohd Nor Hizar b. Omar
Pn. Noraidah b. Sulaiman

Pengerusi:
Mohd Firdaus b. Karin

Setiausaha:
Mohd Fairus b. Mohamad Yusuf

Naib Setiausaha:
Alfi Rusdy Gumala b. Nasrul

Bendahari:
Khairul Mustapa b. Azmi

Naib Bendahari:
Mohd Nur Suriadi b. Ramli

AJK Peralatan:
Mohd Hafiz b. Ismail

AJK Minuman:
Zul Afrizainizam
Syed Mansur b. Syed Mahazar

Assalamualaikum Wbr. Pertubuhan Silat Seni Gayong (Malaysia) ditubuhkan di sekolah ini adalah bertujuan menanam sifat kepahlawanan dan ketahanan diri di kalangan ahli-ahlinya. Ia juga mewujudkan sifat kesabaran dan ketabahan serta sikap bekerjasama.

Bulan (99)		Jenis Aktiviti
Jan	-	Pengambilan ahli baru dan penyusunan pentadbiran.
Feb	-	Mesyuarat Agong Tahunan.
	-	Latihan untuk demonstrasi Hari Sukan.
Mac	-	Demonstrasi Hari Sukan
April	-	Permulaan Latihan dan Pemilihan Skuad Silat untuk ke Kejohanan Remaja Kebangsaan Peringkat Wilayah Persekutuan.
Mei	-	Kejohanan Remaja Kebangsaan peringkat Wilayah Persekutuan.
	-	Kem Silat Seni dan Olahraga.
	-	Mandi Adat.
Jun	-	Latihan dan Pemilihan Skuad Silat untuk ke Kejohanan Silat Seni Sekolah-sekolah Wilayah Persekutuan.
Julai	-	Kejohanan Silat Seni Sekolah-sekolah Wilayah Persekutuan.
Ogos	-	Pembubaran Ahli jawatankuasa tahun 1999 dan Perlantikan AJK tahun 2000.

Pihak pertubuhan ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak sekolah, jurulatih, guru penasihat, serta ibu bapa kerana telah memberi sokongan kepada persatuan ini.


Diharap semoga pertubuhan ini terus maju di masa akan datang dalam mengekal warisan bangsa. Sekian Terima Kasih.

"MARTABATKANLAH WARISAN KITA"

Wassalam.

Mohd Fairus b. Mohamad Yusuf
Setiausaha

KELAB PING PONG



Guru Penasihat:
Puan Salwani
Puan Choo Lik Pin

Pengerusi:
Seng Sau Huang

Naib Pengerusi:
Wong Kim Kit

Setiausaha:
Chia Tong Ling

Naib Setiausaha:
Fazli

Bendahari:
Melvin

Naib Bendahari:
Manjit Singh

AJK:
Dang Thong Guan
Koh Giap Heng
Khor Wee Jun
Lim Thian Siong

Kelab Ping Pong sekolah merupakan salah satu kelab sukan yang penting bagi menjana generasi cergas dalam sukan ping pong. Beberapa kemajuan dalam sukan ping pong di peringkat sekolah telah menaikkan nama sekolah di peringkat Zon Sentul.

Pertandingan Ping Pong (Lelaki) MSSWP peringkat Zon Sentul 1999 telah diadakan pada 9 dan 10 Mac 1999 bertempat di Sekolah Menengah La Salleh Sentul Kuala Lumpur. Pasukan ping pong tahun ini adalah di bawah pimpinan Puan Salwani dan Puan Choo Lik Pin.

Tahun ini merupakan tahun yang agak cemerlang bagi pasukan ping pong Sekolah Menengah (L) Methodist Sentul. Ini adalah kerana pemain dalam kategori perseorangan bawah 18 tahun sekolak kita berjaya sampai ke peringkat suku akhir dan dapat menyertai pertandingan antara wilayah. Walaupun pemain-pemain lain tidak dapat memperoleh sebarang pingat tetapi semangat kesukanan yang sedia ada pada pemain menggalakkan mereka berjuang dengan bersungguh-sungguh.

Akhir kata, saya mewakili para pemain ingin merakamkam ribuan terima kasih kepada Puan Salwani yang memberikan galakan dan pimpinan kepada kami sepanjang pertandingan dan tidak lupa juga kepada Penolong Kanan HEM, Puan Teoh Kwan Swee, Puan Choo Lik Pin serta Encik Saiful yang memberi sokong kepada kami. Semoga pasukan ping pong Sekolah Menengah (L) Methodist Sentul akan menjadi lebih unggul pada masa yang akan datang.

Sekian, terima kasih.

Chia Tong Ling
Setiausaha

PERSATUAN BOLA KERANJANG



Guru Penasihat:
Pn. Ng Aik Huey

Pengerusi:
Yu Chung Leong

Naib Pengerusi:
Woon Weng Kean

Setiausaha:
Haresh Singh

Bendahari:
Chan Chee Yan

AJK:
Chong Koak Wah
Lim Cal Vinn
Yap Boon Chong

Pelbagai rancangan telah dijalankan untuk menghadapi Pertandingan Bola Keranjang Zon Sentul.

Kedua-dua pasukan bawah 15 tahun dan 18 tahun mengadakan latihan setiap hari Jumaat dari 3.00 petang sehingga 6.00 petang dan hari Sabtu, dari 7.30 pagi sehingga 10.00 pagi. Pelbagai jenis latihan telah dijalankan untuk memantapkan lagi pemain-pemain.


Namun demikian, kedua-dua pasukan bawah 15 tahun dan bawah 18 tahun tidak berupaya melayakkan diri ke peringkat separuh akhir, dalam Pertandingan Bola Keranjang Zon Sentul.

Walau bagaimanapun, semangat kesukanan pemain membanggakan skuad bola keranjang sekolah. Semoga pasukan Bola Keranjang SMK (L) Methodist Sentul akan menjadi lebih mantap dan unggul pada masa akan datang.

"MAJULAH SUKAN UNTUK MBSS"

Haresh Singh
Setiausaha

PERSATUAN BOLA TAMPAR



Guru Penasihat:
En. Mohd Salleh

Pengerusi:
Haresh Singh

Naib Pengerusi:
Cahn Chee Yan

Setiausaha:
Lim Joon Kiat

Bendahari:
Ker Fei Loong

AJK:
Woon Weng Kean
Chai Yew Hin
Beh Jiun Hau

Pelbagai rancangan telah dijalankan untuk menghadapi Pertandingan Bola Tampar Zon Sentul.

Persatuan bola tampar bawah 18 tahun tahun ini telah berlatih dengan gigih untuk menghadapi Pertandingan Bola Tampar antara Zon Sentul yang telah diadakan pada 1 April 1999 di Sekolah Menengah Raja Abdullah.

Namun demikian, disebabkan sistem kalah-mati dalam pertandingan tersebut, pasukan bola tampar bawah 18 tahun tidak dapat melayakkan diri ke peringkat separuh akhir.

Oleh sebab pemain bawah 15 tahun masih mentah lagi, maka mereka tidak menyertai pertandingan bola tampar tersebut.

Walau bagaimanapun, kedua-dua pasukan bola tampar bawah 18 tahun dan 15 tahun telah memuaskan pihak sekolah atas usaha serta latihan yang gigih.

"MBS , MBS ,MBS , BOLEH...."

Lim Joon Kiat
Setiausaha

KOPERASI SEKOLAH



Pengerusi:
En. A. Atputharaja

Naib Pengerusi:
Pn. Teoh Kwan Swee

Setiausaha:
Pn. Salina Bt Bakri

Naib Setiausaha:
Cik Noraizah Bt Shaharuddin

Bendahari:
Pn. Ong Tarn Choon

Naib Bendahari:
Pn. Yee Kok Seong

Pengurus Jualan:
En. Choo Chee Seng

AJK:
Mohd Fandi (5S1)
Mohd Zuwairi (5S2)
Hoh Chun Mun (4S3)
Malik (4S3)
Khairul Zaim (3M1)
Chew Ming Huan (3B1)
Loh Kean Ming (2B3)
Yuen Yoke Meng (2S1)

Saya sebagai Setiausaha Koperasi Sekolah Menengah Laki-laki Methodist Sentul ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada semua ahli koperasi yang telah memberi kerjasama dan sokongan dalam memajukan koperasi sekolah kita.

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan:


1. Menjual alat tulis.
2. Menjual kain sampin sekolah.
3. Menjual tag nama.
4. Menjual akhbar 'The Sun'.
5. Menjual barangan 'Rakan Muda'.
6. Wakil insuran pelajar AIA.

Diharap agar koperasi sekolah ini akan terus maju dan berkembang dengan sokongan daripada ahli-ahli.

Sekian, terima kasih.

Pn. Salina Bakri
Setiausaha

KELAB KOMPUTER



Guru Penasihat:
En. Su Too Fong

Pengerusi:
Arthur Theng (5S2)

Naib Pengerusi:
Yen Chia Yew (5S2)

Setiausaha:
M.S. Prem (5S2)

Bendahari:
Kua Soon Yew (5S2)

Supervisor:
Yew Kwan Han (5S2)

Pen. Supervisor:
Vimal (5S2)
Manjit (5S2)

Salam sejahtera. Dalam perjalanan ke alaf baru, M.B.S.S juga tidak ketinggalan untuk menikmati zaman teknologi maklumat ini. Kelab ini yang baru ditubuhkan bertujuan menyediakan pelajar untuk millenium akan datang agar tidak dianggap sebagai 'buta komputer'. Walaupun dalam serba kekurangan, AJK kelab ini masih menjalankan pelbagai rancangan berkaitan dengan bidang ini. Antara aktiviti untuk sesi 98/99 ialah:

Januari	:	i)	Mesyuarat Agong.
		ii)	Pengambilan ahli baru.
Februari	:	i)	Taklimat IT.
Mac	:	i)	Fund Raising Project.
April	:	i)	Sesi Penerangan Komputer oleh Syarikat Komputer tempatan.
Mei	:	i)	Kursus Komputer.
		ii)	Penyediaan untuk "CompQuiz'99".

Saya mengakhiri coretan ini dengan mengucapkan terima kepada En. Su Too Fong dan pihak sekolah atas sokongan dan bimbingan mereka.

Sekian terima kasih.

M.S. Prem
Setiausaha

LAPORAN SLAD



Guru Penasihat:
Cik Che Rogayah Bte Che Daud

Pengerusi:
Md. Azmerruddin (3M2)

Naib Pengerusi:
Zaharin B. Zakaria (3M1)

Setiausaha:
Md. Saiful Izwan (3M1)

Naib Setiausaha:
Md. Noor Aizuddin (3M1)

Bendahari:
Khairul Zaim (3M1)

Naib Bendahari:
Ahmad Zulkhairi (3M1)

AJK:
Zulkamal (3M2)
Shaiful Akhmar (3M2)
Kharil Ehsan (3M1)
Ungku Fasha (3M1)
Khairul Anuar (3M2)
Amandip Singh (3M1)

SLAD atau Skim Lencana Anti Dadah adalah satu pertubuhan yang mempunyai ahli yang terdiri daripada ahli Kadet Remaja Sekolah, PBSM dan Pengakap. Tujuan utama SLAD ini adalah untuk membimbing dan menasihati rakan-rakan yang terlibat dengan penggunaan dadah. Selain daripada itu, SLAD juga menganjurkan banyak aktiviti yang dijalankan sepanjang tahun iaitu:-

1. Minggu Anti Dadah Antarabangsa Peringkat Sekolah 1999.
2. Ceramah oleh PEMADAM dan Pertandingan melukis mural.
3. Minggu Anti Dadah Peringkat Sekolah 1999.
4. Ceramah dan Pameran Badan-badan Kerajaan.
5. Lima Minit Anti-Dadah.
6. Rakan Insan Taqura.
7. Jambori SLAD
8. Kursus Kepimpinan.
9. Penganugerahan.

Akhir kata daripada saya dan ahli SLAD yang kini jauhilah dadah. Sesungguhnya dadah itu merosakkan akhlak dan masa depan.

Sekian, waasalam.

Saiful Izwan
Setiausaha

RUMAH HIJAU



Guru Penasihat:
Puan Rahmah Othman
(Ketua Rumah)
Puan Rohana
(Penolong Ketua Rumah)
Puan Amarjit Kaur
Puan Salwana
Puan Jamaliah
Encik Arvingasamy
Cik Hasrina

Ketua Rumah:
Vinothan

Pen. Ketua Rumah:
Chang Kok Wah

Setiausaha:
Nithianathan

Bendahari:
Vimal

Ketua Olahraga:
Mazlan

AJK Ting 3:
Ungku Fasha
AJK Ting 4:
Mohd Ratique
AJK Ting 5:
Mohd. Shukri

Mesyuarat Agong Rumah Hijau diadakan pada bulan Februari di gelanggang sepak takraw. Matlamat kami pada tahun ini ialah mencari kemenangan dalam pelbagai acara.

Dibawah adalah keputusan yang diperolehi dalam sukan sekolah :-


Keseluruhan	:	Naib Johan
Kelas Ketiga	:	Johan
Tarik Tali	:	Naib Johan
Perbarisan	:	Johan
Chang Kok Wah	:	Olahragawan terbaik

Akhir kata, ribuan terima kasih diucapkan kepada semua guru-guru penasihat Rumah Hijau dan Pn. Rahmah Othman yang telah bertungkus lumus dalam segala hal Rumah Hijau. Tidak lupa juga kepada semua ahli Rumah Hijau yang memberi sokongan. Semoga kecemerlangan ini akan ditingkatkan pada masa-masa akan datang.

"BERCERIA SAMBIL BERSUKAN"

Nithianathan
Setiausaha

RUMAH KUNING



Guru Penasihat:
En. Mashar
Pn. Zarrin
En. Zabidi
Pn. Jauriah
Pn. Nor Fazilah

Ketua Rumah:
Mohamad Zaid B.
Mohamad Shah (5M1)
Pen. Ketua Rumah:
Dzulhelmi (5B2)

Setiausaha:
Marcus M. Kumar (5S2)
Pen. Setiausaha:
Mohd Fandi (5S1)

Bendahari:
Mohd Horwan (5M1)

Ketua Olahraga:
Dorairaj (5B2)

AJK Ting 5:
Shahril (5B2)
A. Nicholas (5S1)
Jaya Seelan (5B2)

AJK Ting 4:
Logarajan (4M2)
Dhayalan (4M2)
Teck Leong (4S2)
Lim Khong Yee (4S3)

AJK Ting 3:
W. Yean Koan (3M3)
Wong Choo Koang (3M1)

Mesyuarat Agong Rumah Kuning telah diadakan pada 14hb Januari 1999 dan seramai 177 orang ahli telah menghadiri mesyuarat ini. Pemilihan AJK bagi tahun 1999 telah juga dijalankan. Matlamat Rumah Kuning pada tahun ini ialah untuk meneruskan kejohanan Sukan Tahunan tahun ini seperti tahun-tahun yang lalu dan juga memupuk semangat kesukanan dikalangan pelajar.

Tesmasya Sukan Tahunan

Pada 5 Mac 1999 merupakan Sukan Tahunan Sekolah yang berlangsung di Stadium Bola Sepak, Cheras. Tahun ini Rumah Kuning sekali lagi telah muncul sebagai johan keseluruhan dalam sukan tahunan ini. Ini adalah kerana semangat perjuangan dan kesukanan yang ditunjukkan oleh para atlir Rumah Kuning yang amat membanggakan dan juga secara tidak langsung mengharumkan Rumah Kuning.

Akhir kata sebagai setiausaha kepada Rumah Kuning tahun 1999, ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua guru-guru penasihat dan rakan-rakan Rumah Kuning yang telah memberikan sokongan moral, bimbingan serta tunjuk ajar kepada saya.

Seterusnya saya berdoa bahawa Rumah Kuning terus menjadi johan keseluruhan pada tahun-tahun akan datang.

"MAJULAH SUKAN UNTUK NEGARA DAN SEKOLAH"

Marcus M. Kumar
Setiausaha

RUMAH MERAH



Guru Penasihat:
En. Choo Chee Seng
En. Md. Norhizar Umar

Ketua Rumah:
Haresh Sing (5S1)

Pen. Ketua Rumah:
Shamsul Bahrin (4S2)

Setiausaha:
Khairul (5M3)

Bendahari:
Wong Kim Kit

AJK:
Raj Kumar (4M1)
Siew Aik Phang (4B1)
Musaab (3M1)
Azmeeruddin (3M2)

Dalam Temasya Sukan Tahunan, Rumah Merah telah berusaha bersungguh-sungguh namun begitu nasib tidak menyebelahi kami tahun ini. Walau bagaimanapun, prestasi para pelajar telah meningkat. Mereka telah bersemangat serta mempunyai bakat yang belum di asah.

Saya sebagai wakil ahlijawatankuasa Rumah Merah ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua guru penasihat yang senantiasa memberi sokongan serta dorongan kepada kami. Kami berharap agar prestasi Rumah Merah akan mencapai keputusan yang lebih cemerlang pada masa akan datang.

"ORA ET LABORA"

Khairul
Setiausaha

KELAB KRIKET

Guru Penasihat:
En. Saiful

Pengerusi:
Mohd Nazri (4S3)

Naib Pengerusi:
Ahmad Farid (4S1)

Setiausaha:
Malik (4S3)

Bendahari:
Mahaswaraj (4S3)

AJK:
Azlan (4S1)
Ahmad Bukhari (4S1)
Mohd Naim (4S3)

Pasukan Kriket MBS Sentul terdiri daripada pasukan bawah 18 tahun dan 15 tahun. Latihan bermula pada awal tahun iaitu pada setiap hari Isnin dan Khamis. Buat pertama kalinya Pasukan Kriket MBSKL ditubuhkan pada tahun ini, disamping mengadakan beberapa siri perlawanan persahabatan.

Di antara aktiviti-aktiviti yang telah di jalankan:-

1. Memilih pemain-pemain baru.
2. Mengadakan latihan kriket.
3. Mengadakan perlawanan di antara bawah 18 tahun dan 15 tahun.
4. Mengadakan perlawanan persahabatan diantara MBS dan Sekolah Menengah Alam Shah.
5. Menyertai pertandingan Kriket MBSKL bawah 18 tahun
   - MBS vs SMK Dato' Lokman
   - MBS vs SM Sains Selangor

Walaupun Pasukan Kriket MBS bawah 18 tahun gagal untuk melangkah ke peringkat akhir, namun semangat kesukanan yang ditunjukkan oleh para pemain tidak pernah luntur. Saya berharap pasukan Kriket MBS Sentul akan sentiasa berusaha untuk meningkatkan lagi prestasi dan imej MBS Sentul. Sekian.


"MAJULAH SUKAN UNTUK MBS'

Malik Mustakim
Setiausaha

PERSATUAN DAN KELAB PETANG



PERSATUAN BADAN ISLAM



PERSATUAN BAHASA INGGERIS




Q-MASTER




SKIM PINJAMAN BUKU TEKS


PERSATUAN DAN KELAB - SESI PAGI



PERSATUAN BAHASA MELAYU



PERSATUAN BAHASA INGGERIS



PERSATUAN BADAN ISLAM (PERBADIS)



KELAB REKA CIPTA




PERSATUAN AGAMA HINDU



KELAB BRIGED PUTERA


RUMAH SUKAN / PERMAINAN



RUMAH UNGU



RUMAH BIRU



KARATE



HOKI




BOLA SEPAK




SEPAK TAKRAW



KETUA DAN PENOLONG KELAS SESI '99 (PAGI)




BADAN PENGAWAS (PETANG)



PENGAWAS PUSAT SUMBER (PETANG)

SUDUT KARYA



©D'Arte Print®

■ DADAH : MERBAHAYA! MEMBUNUH! MEMUDARATKAN DIRI SENDIRI SERTA MENJATUHKAN MARUAH NEGARA!!! ■

Malaysia memang serius di dalam menangani masalah dadah. Peningkatan dan strategi baru di dalam memerangi masalah dadah akan menekankan pengurangan permintaan untuk dadah (demand reduction). Untuk melaksanakan program melalui pendekatan dan strategi baru ini kerajaan telah mewujudkan Majlis Dadah Kebangsaan dan Agensi Dadah Kebangsaan yang bertanggungjawab untuk merancang dan melaksanakan model-model pencegahan serta rawatan dan pemulihan dadah. Undang-undang dadah di Malaysia juga telah diperketatkan dengan terlaksananya Akta Dadah Berbahaya 1952, Akta Racun 1952, Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983, Akta Dadah Merbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 dan Akta Dadah Berbahaya (Perlucutan Harta) 1988.

APA ITU DADAH???. Dalam Bahasa Inggeris diistilah "drug" yang perlu digunakan bersama 'use', 'miuse' atan 'abuse' untuk menggambarkan keadaan penggunaan berbeza-beza. Dalam Bahasa Malaysia diistilah dengan "dadah" yang menggambarkan sesuatu yang jijik akan mesti dijauhi. Dengan pengertian lain, sejenis bahan yang mendatangkan kemudaratan kepada kesihatan seseorang dari segi jasmani (fizikal), rohani, mental dan emosi serta tingkahlaku pengguna apabila digunakan. Seseorang yang ketagihan dadah sanggup menggadaikan maruah serta memperhambakan diri demi mendapat bekalan sehingga boleh mengakibatkan maut.

TAHUKAH ANDA BAHAWA DADAH MEMPUNYAI PELBAGAI JENIS, KESAN DAN AKIBATNYA YANG TERSENDIRI?. Sebenarnya dadah boleh dibahagikan kepada beberapa jenis seperti Opiat (Heroin, marfin, candu dan kodein), Kanabis (Ganja, hashish), Depresen (Sedatif-hipnotik jenis barbiturat dan bukan barbiturat serta tranquilizer), stimulan (Jenis amfetamin dan kokain) serta Halusinogen (Iysergic acid diethylamide (LSD) meskalin, psilosibin).

Apabilah Opiat disuntik, ia menyebabkan keadaan evforia atau rasa tenteram dan selesa yang berlebih-lebihan. Walaubagaimanapun, tidak semua pengguna Opiat mengalami perasaan sedemikian. Mereka sebaliknya menjadi gelisah, berasa loya dan muntah-muntah. Pengguna juga berasa mengantuk. Dengan dos besar, pengguna tidak dapat dikejutkan daripada tidur, anak mata mereka menjadi kecil, kulit mereka menjadi sejuk, lembab dan berwarna ke biru-biruan. Pernafasan merekan menurun atau menjadi sesak yang boleh menyebabkan kematian.

Bahan kimia yang terdapat dalam ganja akan terkumpul dalam tubuh manusia. 30% - 50% THC tertinggal dalam tubuh manusia selama seminggu selepas menghisap sebatang rokok ganja dan dianggarkan bahawa 4-6 minggu akan berlalu sebelum kesemua THC dikeluarkan daripada tubuh mengikut proses fisilogi normal. Jika seseorang menghisap ganja dengan terus menerus dalam satu minggu atau satu bulan, THC sentiasa terkumpul dalam semua sel tubuh, terutama sekali di bahagian otak, paru-paru dan organ pembiakan, yang mana akan mengubahkan peribadi dan kelakuan seseorang itu.

Kesan penggunaan sedatif-hipnotik jenis barbiturat ialah suhu badan seseorang akan meningkat, tidak boleh tidur, tekanan darah rendah, sakit-sakit anggota, muntah-muntah serta sawan yang boleh membawa maut. Apabila seseorang mengambil barbiturat bersama alkohol, ia kan menyebabkan keadaan tidak sedarkan diri (coma) dan maut, kecuali dengan rawatan kecemasan segera. Kesan penggunaan sedatif-hipnotik bukan barbiturat pula ialah pergantungan secara fizikal dan psikologikal serta meningkatkan daya tahan, lebih-lebih lagi penggunaan yang kerap dan berterusan.

Kesan penggunaan stimulan jenis amfetamin akan menyebabkan keadaan gila yang dipanggil psikosis amfetamin selepas mengambil satu dos besar mafetamin atau selepas menggunakan beberapa dos biasa dengan berterusan. Penagih mengalami paranoia atau perasaan syak wasangka dan takut terhadap orang lain. Halusinasi mungkin berlaku yang menyebabkan kelakuan ganas terhadap orang lain. Penagih kronik menjadi psikotik, bingung dan hilang daya ingatan selama 6-12 bulan selepas berhenti menggunakan amfetamin. Kesan stimulan jenis kokain pula ialah Euforia, tidak menghiraukan kesihatan dan kebersihan diri, Halusinasi dan Paranoia dan Psikosis kokain seperti psikosis amfetamin.

Ecstasy merupakan "mood enhancing drug" yang mempunyai kesan terhadap persepsi pengguna kepada keadaan sekeliling terutama warna dan kesan bunyi. Dadah jenis ini juga dikaitkan dengan sindrom goyang kepala berasaskan irama muzik yang kuat yang akan menyebabkan denyutan jantung mengikut rentak muzik. Kesan rangsangan daripada dadah ini boleh mengakibatkan kerosakan otak, kekejangan otot dan tremors. Pengambilan ecstasy bersama-sama dengan minuman keras sewaktu menari akan menjadikan badan seseorang kehilangan air (dehydrated) dan suhu badan meningkat, mengakibatkan collapse dan kemungkinan kerosakan organ-organ seperti buah pinggang, hati, dan jantung.

Terdapat beberapa akibat dadah iaitu kepada diri, kesihatan, keluarga, masyarakat, ekonomi negara serta keselamatan negara. Akibat kepada diri ialah seseorang itu akan pandai menipu, mengasingkan diri dari masyarakat umum serta sering melakukan jenayah. Kesihatan seseorang itu juga akan terganggu seperti badan menjadi lemah, malas, menjadi mandul di kalangan wanita serta boleh membawa maut jika menggunakan dadah yang berlebihan. Rumahtangga juga akan menjadi porak-peranda, perpisahan dan penceraian akan berlaku diantara ahli keluarga serta menjatuhkan maruah dan mencemarkan nama baik keluarga. Kejadian jenayah seperti mencuri, menyamun, merompak dan membunuh juga sering berlaku serta menimbulkan persengketan dan perselisihan faham antara satu keluarga dengan satu keluarga yang lain. Ekonomi negara juga akan turut merosot akibat jentera-jentera pentadbiran kerajaan menjadi semakin lemah dan berlakunya pengaliran wang keluar negara seterusnya, menyebabkan keluarga menjadi miskin. Keselamatan negara juga akan turut terjejas kerana ia boleh menimbulkan perasaan curiga dan takut di kalangan rakyat, oleh itu tenaga rakyat menjadi semakin lemah serta memberi peluang kepada musuh-musuh negara mencapai tujuan mereka.

Menurut Agama Islam, Al-Quran dan hadis melarang setiap Muslim mendekati perbuatan-perbuatan yang keji dan merosakkan diri. Hukum menggunakan dadah di dalam Islam adalah haram malahan lebih haram dari arak. Dalil (bukti) yang menunjukkan dadah haram boleh didapati di dalan Al-Quran (Surah Al-Baqarah ayat 195), Hadis (Riwayat Imam Ahmad dan Ibnu Majah) dan Ijmak Ulamak dan Qlas.

Menurut Gautama Buddha, dadah adalah satu malapetaka dan bahaya yang tidak terhingga kepada manusia. Peraturan kelima Panca Sila dalam ajaran Buddha menyatakan "mengelakkan daripada makanan dan minuman yang memabukkan dan menagihkan". Agama Hindu juga melarang penganutnya bukan sahaja terhadap penggunaan dadah tetapi juga narkitok dan minuman keras kerana ia mencemarkan jiwa dan tubuh badan. Perbuatan menagih dadah dianggap sebagai adhamic dimana balasannya ialah orang yang melakukan adharma itu sendiri. Agama Kristian memainkan peranan untuk memberi nilai-nilai kerohanian, melupakan perbuatan yang lalu dan harapan untuk masa depan.

Akhir kata daripada kami, besarlah harapan kami sekiranya para pelajar dapat mengambil pengajaran dan iktibar daripada maklumat yang diberikan ini.

Mohd Fandi dan Hamiruddin
5 Sains 1

ADIWARNA

Jam menunjukkan tepat pukul 12 malam. Bayu dinihari berhembus tajam menusuk tulang hitam Ariel. Namun, semangatnya yang kuat untuk menyiapkan cerpen itu menyebabkan dia tidak menghiraukan segala-galanya. Dia sudah lali dan tidak peduli lagi dengan anggapan negatif oleh manusia-manusia disekelilingnya.

"Sesudahlah Ariel ..... jangan berangan nak jadi juara pertandingan ini. Kau belum kenal siapa aku, Aku dah tiga kali berturut-turut jadi pemenang pertama dalam pertandingan menulis cerpen ni tau! Kalau nak bandingkan aku dengan kau, macam bumi dengan langit!"

Sabar sajalah, bisik hati kecil Ariel. Itulah yang selalu Ariel ungkapkan bagi memujuk nuraninya agar terus bersabar. Cabaran daripada Rizal menyebabkan Ariel semakin beria-ia untuk membuktikan kepada semua bahawa dia mampu menulis cerpen yang bermutu. Pada impian cita-cita Ariel untuk menjadi penulis muda yang terkenal bukan satu bicara hampas. Ariel berasa begitu yakin dengan anugerah yang telah dikurniakan Tuhan bagi memenangi pertandingan tersebut.

Sewaktu Ariel asyik menulis cerpennya itu, pintu biliknya diketuk.

"Oh, ibu. Kenapa tak tidur lagi."

"Sepatutnya ibu yang berkata sedemikian. Esokkan masih ada. Siapkanlah cerpen Ariel itu esok hari. Ini dah pukul 12 lebih ini. Lebih baik Ariel pergi tidur dulu."

"Tak boleh, bu. Tarikh tamat untuk hantar cerpen ini adalah esok. Ibu janganlah bimbang. Nanti bila cerpen ni sudah siap, Ariel tidur."

Pintu bilik ditutup. Ariel menyambung semula penulisan karyanya. Di dalam hatinya, Ariel berasa amat beruntung mempunyai ibu dan keluarga yang memahami minatnya itu. Merekalah yang memberi perangsang kepada Ariel untuk menceburi alam penulisan. Oleh sebab itulah, Ariel tidak mahu menghancurkan impian keluarganya untuk menatap wajahnya muncul sebagai juara di pertandingan itu.

Aah! Keluh Ariel seraya menggeliat. Jari jemarinya dibunyi-bunyikan bagi menghilangkan rasa penatnya menulis.

"Lagi sedikit sahaja ..... harap-harap dapatlah siap sebelum esok." Ujar Ariel bersendirian. Masa terus berlari dan tidak berhenti. Jam sudahpun pukul 3 pagi.

"Alhamdulilah ..... akhirnya siap juga. 'Adiwarna', aku harap kau bawa tuah yang baik." Ujar Ariel lantas mengemaskan helaian kertas putih yang sudah berselerak di permukaan lantai biliknya akibat ditiup angin yang agak kuat. Mungkin hari hendak hujan. Seronoklah aku tidur nanti, bisik minda Ariel yang tidak sabar-sabar menanti mentari esok.

*****

Cikgu Zarina ..... ini saya punya cerpen."

"Oh , Ariel. Mujurlah hantar cepat, jika tidak karya awak mungkin tidak diterima sebab hari ini 'dateline' nya. Berikan cerpen itu pada saya dan saya akan berikannya pada panel hakim pertandingan ini."

"Terima kasih, cikgu." Balas Ariel sambil tersenyum puas.

"Amboi-amboi ..... masuk bertanding juga, ingatkan sudah mengaku kalah." Sapa suatu suara, Rizal dari arah belakang.

"Tajuk cerpen boleh harap ..... Adiwarna konon ..... tumpang popularity lagu Siti Nurhalizalah tu. Tajuk macammana 'best' pun tapi isinya macam budak darjah satu, lebih baik tak payah!" Komen Rizal membabi buta.

Ariel hanya mampu terdiam. Biarlah masa menjadi penentunya. Yang penting dirinya sudah berusaha bersungguh-sungguh demi kelahiran Adiwarna.

****

" Sempena bulan Bahasa Melayu, pihak sekolah telah menganjurkan pelbagai peraduan dan pertandingan. Salah satunya ialah pertandingan menulis cerpen. Pihak Persatuan Bahasa Melayu telah menerima sebanyak 30 penyertaan daripada anda semua. Saya amat berpuas hati kerana penyertaan tahun ini begitu memberangsangkan. Dengan tidak membuang masa, saya umumkan pemenang-pemenang bagi pertandingan menulis cerpen tahun 1999."

Ariel gementar. Gugup. Takut. Semuanya bercampur gaul di dalam sanubarinya. Dia tidak kisah sekiranya tidak menang asalkan sudah mencuba.

"Tempat ketiga jatuh kepada, Shaik Abdul dengan cerpennya yang bertajuk, Sahabat. Manakala, naib juara disandang oleh Rizal Rudin dengan tajuk cerpennya iaitu, Semuanya Milik Aku....."

Ariel semakin gundah gulana. Rizal yang sememangnya diakui oleh dirinya sebagai penulis berbakat besar pun hanya menduduki tangga kedua, ini apatah dirinya yang hanya setahun jagung dalam arena penulisan.

"Juara bagi pertandingan menulis cerpen tahun ini dirangkul oleh Ariel Palmi dengan cerpennya yang berjudul, Adiwarna!"

Ariel tersentak. Dirinya bak berada di kayangan. Di mindanya tergambar raut wajah ibunya. Ibu, ini untukmu, bisik hatinya. Ariel mengatur langkah menuju ke pentas, menjulang piala kemenangan!

Khairul Annuar K.S.B.
4 Sains 1

■ SI LEMAN ■

Suatu ketika dahulu tinggal seorang pendayung yang miskin dipanggil Si Leman. Dia pandai bermain seruling. Dia merupakan seorang yang hodoh.

Pada suatu hari, seorang gadis muda berdiri berhampiran dengan tingkap telah mendengar muzik yang dimainkan oleh pendayung tersebut. Pada masa yang sama, dia telah jatuh hati terhadap muzik tersebut tetapi perkara ini telah diketahui oleh ayah gadis tersebut dan dia mengarahkan pembantu-pembantu rumahnya supaya menutup tingkap di rumah dan menjaga gadis itu agar dia tidak mendengar muzik itu. Perkara ini telah menyebabkan gadis itu sedih dan jatuh sakit. Ayahnya telah mengambil langkah-langkah untuk memulihnya kembali tetapi gagal.

Gadis itu berbisik kepada ayahnya mengatakan bahawa muzik pendayung itulah yang dapat menyelamatkannya. Oleh itu ayahnya mengambil keputusan untuk memanggil pendayung tersebut. Pendayung itu datang dengan segera dan dia mula memainkan seruling. Gadis tersebut membuka matanya dengan perlahan-lahan. Tiba-tiba dia terkejut melihat keadaan Si Leman yang begitu hodoh dan dia mula menangis. Si Leman telah mengetahui tujuan gadis itu menangis dan dia kembali kepada sampannya dengan perasaan yang sedih dan kecewa. Dia berasa kecewa kerana dia suka akan gadis tersebut. Beberapa hari kemudian, Si Leman telah meninggal dunia. Sebelum dia meninggal dunia, dia memberitahu penolong-penolong gadis tersebut untuk membuat sebiji cawan daripada hatinya.

Semasa cawan tersebut dibawa kepada gadis itu, dia terkejut melihat cawan yang begitu luar biasa. Dia mengisi cawan itu dengan teh dan dia membawa cawan tersebut kepada bibirnya. Tiba-tiba dia melihat wajah Si Leman di dalam cawan tersebut dan juga muziknya. Perkara ini sungguh mengejutkan. Gadis itu menjerit sekuat hati dan telah membuang cawan tersebut. Cawan itu telah terpecah kepada beberapa kepingan yang kecil.

Beginilah akhirnya muzik Si Leman. Cintanya terhadap gadis tersebut telah berterbangan bersama udara.

Kamaleswaran
5 Sains 1

■ CERITA KU ■

Balik seorang-seorang waktu senja yang hampir menerjah malam adalah sesuatu yang agak menggerunkan. Lebih-lebih lagi aku cuma berjalan kaki.... Dan tempat itu pula amat sunyi..... Cuma bunyi unggas-unggas yang kedengaran. Aku yang dikenali sebagai seorang yang berani, kini bertukar menjadi seorang yang kecut dan begitu resah bila melintasi di satu tempat yang sering diperkatakan.

- Tempat di mana bersemadinya orang-orang yang telah meninggal dunia. Perasaan "GABRA" ku bertambah lagi bila melihat sesuatu di kawasan perkuburan sana.

Kepulan asap yang berbau busuk kelihatan keluar dari salah satu kubur di situ. Aku kaget buat seketika! Jantungku hampir pecah kerana terlalu takut. Tetapi, dengan berkat ilmu yang ku pelajari dari Mahaguru Alang....Aku memberanikan diri sambil beristiafar banyak-banyak lalu menuju ke arah kepulan asap yang berbau busuk itu. Setelah beberapa langkah Aku bergerak..... Tiba-tiba kelihatan satu lembaga muncul dari kepulan asap itu lalu memanggil-manggil nama ku. Aku tersentak! Dan apa yang hendak dilakukan oleh ku sudah pasti buka langkah seribu. (Tak reti-reti lagi!).

Di simpang kampung kelihatan beberapa anak muda sedang melalaikan waktu. Mereka ini anak jati Kampung Puah yang agak jauh di pedalaman. Mungkin tiada tempat berhibur seperti di kota, mereka memilih jalan begini untuk menghiburkan hati. Aku berlari ke arah mereka. Lalu mereka menanyakan hal yang menyebabkan Aku merasa sangat cemas. ADOH! Penatnya aku. Dan tidak ku-lenggah lagi, Aku pun menceritakan apa yang telah terjadi semasa dalam perjalanan pulang tadi. Memek muka mereka berubah bila mendengar cerita ku tadi. Kemudian Aku menyuruh mereka pergi ke rumah Tok Penghulu untuk memberitahu ketua kampung demi kesejahteraan kampung mereka.

Tok Penghulu Afir baru saja selesai sembahyang Maghrib. Semasa dia duduk berehat di sofa sambil membaca akhbar....Ada orang memberi salam sambil memanggil namanya. Rupa-rupanya pemuda-pemuda tadi telah pun sampai ke rumah Tok Penghulu dan menyegerakan cerita mereka bila disoal hajat mereka datang ke rumah Tok Penghulu. Kelihatan Tok Penghulu mengerut dahi sambil mengesahkan bahawa kawasan kubur itu berpuaka kerana sebelum ini, isterinya Puan Hayati pun ada mengadu akan hal yang sedemikian semasa balik dari rumah Aisah iaitu bini muda Tok Penghulu.

Tanpa berlengah lagi, Tok Penghulu menyuruh mereka pergi menjemput Tok Imam dan Mahguru Alang untuk menyelesaikan masalah ini pada malam itu juga. Mereka mengeluh sambil mencari alasan untuk tidak pergi ke rumah Mahguru Alang yang jauh di dalam hutan itu. Tapi apa boleh buat, dah tak ada orang lain lagi yang boleh diharapkan selain mereka.

Lebih kurang setengah jam berikutnya, satu rombongan besar yang terdiri dari penduduk Kampung Puah, Mahaguru Alang dan Tok Imam keluar beramai-ramai menuju ke tanah perkuburan yang diketuai oleh Penghulu Afir. Dari jauh lagi mereka telah nampak bayangan lembaga itu. Penghulu Afir menyuruh AKU dan beberapa orang lagi supaya megepung lembaga itu dari belakang. Apabila semuanya sudah sedia, Mahaguru Alang pun memulakan tugasnya membaca jampi serapah untuk menjinakkan lembaga itu. Apabila lembaga itu mula menyembah ke bumi, Aku diarahkan menutup muka lembaga itu sambil orang kampung mengikat kaki dan tangannya, lembaga itu meronta-ronta meminta tolong dan merayu supaya dilepaskan. Mahaguru Alang membuka kain yang ditutup oleh Aku kepada lembaga itu. Apabila kain itu dibuka, semua orang tergamam kerana muka yang dilihat oleh mereka bukanlah muka yang ngeri tetapi yang dikenali iaitu Wak Ebok penjaga kubur. Tok Penghulu mula naik berang dan menyumpah-yumpah kepada Ku kerana membuat andaian tanpa usul periksa.

Cerita ini akan berulang pada tahun depan tetapi bukan cerita Ku, Cerita Kau yang mengisahkan Wak Ebok penjaga kubur kembali setelah mati tertimbus. Palagai, arius!.....

Firdaues Mohd Said
5 B 2

■ NEGARA AKU ■

"Angkut....perlahan-perlahan ... lagi sikit" pekik Tok Halim kepada empat orang pemuda yang mengangkut Salmah yang berbadan dua.

Isteri Salim itu mengerang dalam kesakitan. Salmah melaung sekuat hatinya, bendasing dalam perutnya yang buncit akan keluar tak lama lagi. Salim tiada di kampung untuk membawa isterinya ke hospital yang terletak kira-kira 50 kilometer dari kampung mereka. Tiada pengangkutan atau jalan raya yang sesuai di kawasan mereka. Sudah berkali-kali mereka meminta pihak kerajaan membuat sesuatu untuk menringankan penderitaan mereka tetapi tak berbuat juga.

"Tok Halim, bas seterusnya akan sampai setengah jam lagi ... bolehkah Salmah tunggu selama itu ?" tanya salah seorang pemuda yang tolong mengangkat Salmah. Tok Halim pun menunduk memikirkan sesuatu. Betul katanya, suara hatinya membisik, kalau bas itu sampai pun, jalan tidaklah begitu rata dan ini akan membahayakan nyawa siSalmah itu.

"Yeah, kita membawa dia ke kampung terdekat jauh ... boleh tahan ke ....?"

Laungan Salmah, semakin menyedihkan hati. Tiba-tiba, Salmah menjerit seperti perempuan dirasuk. Makcik Timah mengisyaratkan untuk menurunkan Salmah. Mungkin masanya telah tiba. Mulut Tok Hitam mengumat-amit beberapa ayat Al-Quran dan empat orang pemuda berikut sama mendoakan keselamatan Salmah dan bakal cahaya matanya. Masa pun berlalu dan laungan Salmah bertambah dan berhenti dengan tiba-tiba. Tangisan seorang bayi mula didengari dan suara Salmah telah hilang di udara.

"Salmah ? .... Salmah ?" Makcik Timah memanggil Salmah tetapi dia tidak menyambut. Dia telah menghembus nafas terakhir. Dia telah meninggal dunia.

Hasil nukilan:
M.S. Prem
5 Sains 2

■ NUR NILAM SARI ■

"Lagi 32 hari ....." Keluh Nilam seraya jari jemarinya membelek takwim yang terletak di sudut meja soleknya. Nilam menuju ke jendela. Diselaknya langsir bercorak flora yang dibelinya dua tahun lalu. Dilihatnya purnama yang sedang gah mengambang menerangi kepekatan dinihari.

Hati kecilnya mulai berbisik, Sempatkah aku melihat keindahan malam ini lagi? Entahlah? Tawakal saja yang dapat aku berikan.

*****

Nilam mengesat peluh di dahinya yang menitis satu persatu dengan saputangan putihnya. Di bawah bahang mentari, Nilam berdiri menanti bas untuk ke tempatnya mencari sesuap rezeki. Setengah jam hampir berlalu. Bas tidak jua kunjung tiba. Titis demi titis peluh semakin mengalir menjelajah ke seluruh tubuh Nilam. Solekan di wajah ayu Nilam pula makin luntur warnabya.

"Assalammualaikum.....tidak silap saya, cik ini Nur Nilam Sari bukan?" Sapa seorang pemuda tampan, berkemeja kemas persis seorang ejen insuran. Nilam tersentak.

"Ya, saya Nur Nilam Sari. Encik ini siapa?" Soal Nilam sejurus selepas pemuda yang tidak dikenalinya itu menegurnya.

"Saya Salwan....Salwan Shah. Takkan saudari sudah lupa akan diri saya? Sayalah rakan sekolej saudari dua tahun lalu," jelas pemuda yang menggelarkan dirinya Salwan itu. Nilam masih ingat-ingat lupa. Otaknya ligat memikirkan siapakah pemuda itu?

"Oh, ya! Salwan Shah. Sekarang baru saya ingat. Kebetulan pula kita berjumpa di sini. Awak apa khabar?" Tanya Nilam menunjukkan reaksi ceria.

"Alhamadulilah....sihat walafiat. Awak pula bagaimana?" Balas Salwan kembali. "Sihat," jawab Nilam ringkas menipu diri sendiri. Walhal dirinya kepedihan bertarung dengan penyakit leukimia yang sudah dialaminya sejak dulu lagi.

"Marilah saya hantarkan awak. Lagipun, pada waktu begini, bas memang jarang lalu kawasan ini." Pelawa Salwan penuh iklas. Nilam menerima pelawaan Salwan. Kereta proton Satria berwarna biru muda terus memecut ke destinasi yang dipinta.

*****

< SEBULAN KEMUDIAN >

"Hari ini 9 Ogos.....hari lahir Nilam bukan?" Salwan memecahkan kesunyian setelah didapati Nilam membisu seribu bahasa.

"Ya.... dan hari inilah, Salwan tidak akan bertemu dengan Nilam lagi." Salwan cuba mendalami maksud tersirat di sebalik kata-kata Nilam itu. Namun, dia tidak jua dapat memahami.

"Biarlah Nilam jelaskan hal yang sebenarnya. Nilam adalah pengidap penyakit darah putih. Mengikut kiraan doktor, hari ini Nilam akan menyahut seruan Ilahi." Jelas Nilam tanpa berselindung. Bebola matanya merah menahan air mata bercucuran. Salwan terdiam. Dia bagaikan tidak percaya apa yang didengarinya itu.

"Nilam.... usah cakap sedemikian rupa. Soal hidup dan mati manusia terletak pada kekuasaan Tuhan bukannya doktor. Sudah .... Salwan tidak mahu Nilam mengungkitnya lagi." Ujar Salwan spontan lantas menukar tajuk perbualan.

"Sempena hari lahir Nilam yang ke 21 tahun, Salwan ingin berikan sesuatu yang istimewa untuk Nilam. Semenjak kita menuntut di kolej dahulu, Salwan amat berhajat untuk sampaikan pemberian ini, namun masa yang menjadi batu penghalang. Salwan berharap Nilam suka akan hadiah ini." Ujar Salwan menyusun setiap perkataan penuh puitis.

Salwan mengeluarkan dari poketnya, sebuah kiub berwarna merah yang berisi sebentuk cincin bertatahkan mutiara hitam. Nilam yang masih lagi dalam keadaan sebak, disentakkan pula dengan lamaran Salwan untuk memperisterikannya.

Belumpun sempat cincin itu disarungkan ke jari manis Nilam, dengan tidak semena-mena cincin itu jatuh ke muka tanah seraya berguling ke tengah laluan jalan raya. Salwan cuba mengambil kembali tetapi .... sebuah lori berisi kayu balak tiba-tiba muncul dari arah selekoh jalan raya, memecut laju lalu melanggar tubuh Salwan. Sejurus itu, darah merah pekat bersemburan membasahi permukaan jalan raya.

Nilam kaku terperanjat. Suasana segera bertukar hening seketika, hanya bunyi hon kenderaan bersimpang-siur kedengaran di sana-sin.

Khairul Annuar K.S.B
4 Sains 1

■ DUA SUDU ■

M.S. Pillay telah mengadu kepada kawan-kawannya, badannya tidak sihat selama 10 hari. Kawan-kawannya iaitu Siva, Bakar dan Francis menasihatinya supaya berjumpa doktor di hospital. Pada esok harinya dia pun pergi ke hospital.

Doktor Raj : Apa sakit adik?
M.S. Pillay : Badan saya tak berapa sihatlah doktor.
Doktor Raj : Sudah berapa hari adik sakit?
M.S. Pillay : Sudah 10 hari doktor.
Doktor Raj : Apa? 10 hari? Kenapa tidak datang awal? Baik, saya beri ubat. Ubat ini adik makan dua sudu sekali, sehari makan tiga kali.
M.S. Pillay : Baik doktor. Terima kasih

< TIGA HARI KEMUDIAN >

Doktor Raj : Apa belum baik lagikah?
M.S. Pillay : Sekarang bertambah sakit doktor. Tak boleh tahan.
Doktor Raj : Baik, mari ikut saya. Saya nak ambil gambar X-ray.

< APABILA GAMBAR X-RAY SIAP DIAMBIL >

Doktor Raj : Patutlah awak bertambah sakit. Macam mana boleh ada sudu di dalam perut encik?
M.S. Pillay : Tempoh hari doktor cakap makan dua sudu. Sehari tiga kali. Jadi sehari saya makan enam sudu. Tiga hari saya makan lapan belas sudu. Saya betul-betul ikut nasihat tuan doktor.
Doktor Raj : Ya, Kah.

Rekaan Oleh
Brendan Raj
4 Bakti

■ 15 BUDAK HITAM ■

Assalamualaikum pembuka bicara
Buat guru dan member-member
Ini kenangan 5 Bakti 2
15 budak hitam empunya cerita

Konsert Ziana Zain memang dinanti
Untuk dinyanyikan bersama-sama
Zairul Hisham monitor berdedikasi
Walaupun pendiam, peramah orangnya.

Buku nota kena curi
Kena marah sakitnya hati
Saiful Badree assistant kami
Pegang buku setiap hari

Cikgu Rahmat panas baran
Siapa lambat kenalah rotan
Prinsip Akaun subjek kegemaran
Itulah Sahriel empunya badan

Kumpulan Elite semakin diminati
Siti Nurhaliza bertambah seri
Metallica, Nirvana paling digemari
Kalau nak tau, dialah Helmie Ansarie.

Pergi ke pasar membeli pegaga
Pegaga dibuat makanan beruang
Fadzli malu digelar mat bunga
Tapi hari-hari nyanyi lagu jiwang.

Lagu cindai menjadi Siulan
Hingga anak muda tidur tak lena
Ali berangan yang bukan-bukan
Sampai kena ketuk dengan Puan Rohana

Lembu dan kambing mangsa korban
NATO mengamuk serang Serbia
Siapa tak kenal dengan Sufian
Kekemasan rambut sentiasa dijaga.

Masuk hutan cari kuini
Pergi Johor tengok dugong
Salwan Shah sibuk nak berbini
Datang sekolah macam Agong

Kalau tuan pergi ke Itali
Jangan lupa membeli kapak
Itu dia Ashrap yang berani
Kalau diganggu akan disepak

Kucing asyik mengacau anjing
Itu sebabnya selalu berbalah
Jazhan pula minat memancing
Sampai tak ingat buku sekolah.

Ali XPDC memetik gitar
Lala pula bermain bass
Azizie Nordin suka bertengkar
Tapi exam selalu pass.

Ular lidi tersenyum lebar
Melihat kambing menerusi kaki
Siapa kata Cikong tak lapar
Belum rehat dah cabut lari

Pergi sekolah naik LRT
Sampai sekolah baru ingat hari ini cuti
Itulah dia Alan Affifi
Ponteng kelas setiap hari

Hantar surat guna e-mel
Apakan daya terlupa alamat
Siapa tak kenal Syahril comel
Dengan Alan rasa selamat

Puas cari jalan penyudah
Akhirnya jumpa sempadan Jawa
Shukri kecoh tak sudah-sudah
En Vellu guru kesayangannya.

David Beckham pemain berbahaya
Kalau tak dikawal mengundang bahaya
Aku Zulhelmi sentiasa bercerita
Walaupun SPM menjelang tiba

Sekian dulu coretan kami
Kalau terkasar di hulur tangan
Jangan dipendam dalam hati
Kerenah 15 budak hitam dalam kenangan.

Cetusan Fikiran
Dzulhelmi
5 Bakti 2

■ MAAFKAN DIRI KU.....TEMAN ■

Teman,
Di saat ku memerlukan mu,
Kau menghilangkan diri,
Kenapa?
Adakah kerana dosa semalam,
Dosa yang tidak disengajakan,
Kerana aku hanya Insan biasa.
Bergelut dalam gelombang kehidupan.
yang berdosa.
Maafkan diri ku
Teman .....
Aku ketagih nasihat mu,
Aku ketagih bicara mu,
Aku ketagih gurau senda
dan usikan manja mu.
Teman .....
Jika Aku bersalah
Maafkan diri ku.
Walaupun aku selalu.
Senyum, ketawa dan gembira,
tetapi hati Aku .....
tiada siapa yang dapat membacanya.
kecuali yang maha berkuasa.
Kau pernah berkata
semua Insan di dunia tidak lari
daripada melakukan kesilapan.
Begitu jugalah diriku.
Maafkan diri ku Teman.
Teman .....
hanya satu ku pinta dari diri mu
Maafkan diri ku ini
supaya Manan dapat bersama mu



Aku yang terluka
Manan /aa
4 Murni 1
(Ahli Sidang Redaksi)

■ WARKAH UNTUK IBU ■

Ibu
Sejak aku dilahirkan,
Engkau membelaiku,
Selembut Salju.

Ibu
Tanpa rasa jemu
Engkau menelan tingkah lakuku
Dengan tabah dan sabar.

Ibu
Kini aku sudah remaja
Jasa-jasa dan pengorbanan sucimu
Sudah mula dirasai.

Ibu! Akan ku balas jasamu
Akanku jejak menara gading
Bagi menyempurnakan hasratmu
terhadap mu.

Brendan Raj
4 Bakti

■ SPM ■

SPM .....
Seringkali membuatkan hati ini resah
menanti saat ketibaan
gelisah....
dengan seribu persoalan
meminta satu rangkaian jawapan
yang meyakinkan....

SPM .....
Adakalanya suatu mimpi indah
adakalanya suatu mimpi ngeri
yang sering menghantui fikiran
menekan jiwa dan perasaan
akhirnya hanyut tanpa kepastian

SPM .....
Azamku padamu hanya satu
meraih kemenangan menimba ilmu
kerana yang dibawa bersama adalah....
segunung cita selaut harapan dari mereka
yang disayangi

SPM
Peristiwa adalah nostalgia
mengajar aku erti kedewasaan
meniti arus kehidupan
akan terlaksana
impian! akan kepastian
buktikan NOVEMBER'99.

Tio Woei Shei @ Cikang
5 Bakti 2

SAJAK GURU

Guru
Kau kerdipan cahaya kecil
Yang menyinari hidup ku ini
dan aku adalah insan kecil
Yang tertawan dengan sinar mu
Kau memberi kekuatan
dan keyakinan diri
Kau rela terbakar
demi kami pelajar

Guru
Nama mu tidak ku lupa
kan ku ingat sepanjang masa
ilmu yang kau berikan
akan ku jadikan penyuluh
Bagi melayari liku-liki kehidupan
yang mendatang

Guru
Kan ku panjatkan doa buat mu
Walau kita tidak lagi bersua
kepada tuhan ku memohon
Semoga kau sentiasa di limpahi
rahmat yang tidak kunjung malap

Guru
Setulus kata ku luahkan buat mu
yang lahir dari hati kecil ku
Sebagai penghargaan ke atas
segala jasamu
Terima ucapan dari ku
"Terima kasih guru ku"

Mohd Safuan B. Shaari
2 Setia 2

DI BUMI BERTUAH INI

Di bumi bertuah ini
aku berdiri
menjunjung kebenaran
dalam kata-kata
menjulang kesetiaan
dalam persahabatan

Di bumi bertuah ini
aku melangkah
bersama kegigihan
mendepani segala cabaran
dengan tabah dan berani

Di bumi ini aku mencari
kebahagiaan abadi
di samping membina
harga diri

Sahriel
Helmie Ansaria
Zairul
5B2

■ HARI INI ■

Bila engkau kutinggalkan hari ini
di tengah perjalanan
tidak bererti aku membencimu
sekadar aku mahu mengajar
bahawa hidup hari ini perlu berani
menempuh onak dan duri
seorang diri

Bila engkau kutinggalkan hari ini
sedang dalam percintaan
tidak bermakna cintaku telah pudar
sekadar aku mahu menyedar
bahawa hidup hari ini perlu cekal
menahan derita dan sengsara
seorang diri

Bila segalanya dengan tabah
engkau hadapi hari ini
pastikan esok hidupmu penuh cahaya

Sahriel
Helmie Ansaria
Zairul
5 B 2

■ ANAK-ANAK MERDEKA ■

Anak-anak merdeka
bangunkan desa dan kotamu
menjadi maju makmur
kerjakan ladang dan sawahmu
menjadi hijau subur

Anak-anak merdeka
jangan dekati dadah dan judi
boleh merosakkan diri sebelum mati
jangan suka menipu dan berdusta
boleh rosakkan diri dan keluarga

Anak-anak merdeka
berdirilah dengan cekal dan berani
menatang perjuangan
mengisi kemerdekaan
